

PELACURAN MODEN DALAM TALIAN DI MALAYSIA: ANALISIS DARI PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG SYARIAH

Modern Online Prostitution in Malaysia: An Analysis from the Perspective of Shariah Law

Noreen Bau Muhamad Affendi Bau*, Siti Aisyah Samudin**

*Department of Shariah and Law,
Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

^(Corresponding author) e-mail:
sitiaisyah.samudin@um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/syariah.vol34no2.3>

ABSTRACT

*In the era of rapid digitalisation, prostitution has become increasingly accessible through websites, social media platforms, and mobile applications. The widespread use of digital technologies has transformed conventional prostitution into a more sophisticated form of online prostitution, contributing to its rapid expansion both in Malaysia and globally. From the perspective of Islamic law, although the medium through which prostitution is conducted has evolved, its underlying prohibited nature remains unchanged as it continues to undermine the objectives of *maqāṣid al-sharī'ah*, particularly the preservation of religion (*ḥifẓ al-dīn*), lineage (*ḥifẓ al-nasl*), and human dignity (*ḥifẓ al-'ird*). Despite this growing*

phenomenon, existing scholarly literature primarily focuses on conventional prostitution, while comprehensive legal studies examining modern online prostitution, particularly within the Malaysian context, remain limited. This gap highlights the need for a more systematic examination of how current legal frameworks respond to technology-enabled prostitution. Accordingly, this study seeks to address two main research questions: How is modern online prostitution conducted through digital platforms? To what extent does the existing Malaysian legal framework effectively regulate and enforce laws against modern online prostitution? To answer these questions, the study adopts a qualitative research design by collecting data through library research, semi-structured interviews, and direct observations. The collected data are analysed using inductive and thematic approaches. The findings reveal that modern online prostitution has evolved rapidly through the use of digital platforms, enabling greater anonymity, wider market reach, and more sophisticated methods of operation. The study further finds that although Malaysia has several legal provisions governing prostitution-related offences, the existing legislative framework and enforcement mechanisms are fragmented and inadequate to effectively address the unique challenges posed by technology-driven prostitution. Therefore, the study concludes that comprehensive legal and policy reforms, together with strengthened enforcement strategies, are necessary to ensure that Malaysian laws remain effective in regulating and combating modern online prostitution in the digital era.

Keywords: *prostitution, modern prostitution, online prostitution, Malaysian laws*

PENDAHULUAN

Islam merupakan agama yang menitikberatkan pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan maruah manusia sebagaimana yang digariskan dalam *maqāṣid al-syarī'ah*. Antara perkara yang diberi perhatian serius oleh syarak ialah pemeliharaan maruah dan keturunan daripada sebarang bentuk perlakuan yang membawa kepada keruntuhan akhlak serta pencemaran nasab. Sehubungan itu, Islam bukan sahaja mengharamkan zina sebagai suatu dosa besar, bahkan turut melarang segala bentuk perlakuan, jalan dan medium yang boleh membawa kepada perlakuan tersebut. Firman Allah SWT:

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَىٰ ۖ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Maksudnya: “Dan janganlah kamu menghampiri zina; sesungguhnya zina itu ialah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk.”

(Surah al-Isrā', 17:32)

Ayat tersebut menunjukkan bahawa larangan syarak bukan sekadar tertumpu kepada perlakuan zina itu sendiri, bahkan meliputi segala wasilah yang membawa kepadanya. Menurut para mufassir seperti Ibn Kathīr dan al-Qurtubī, penggunaan lafaz “janganlah kamu menghampiri zina” membawa pengertian yang lebih luas, iaitu larangan terhadap setiap perbuatan yang boleh membuka ruang kepada berlakunya zina sama ada melalui pergaulan yang tidak terkawal, pendedahan unsur-unsur seksual mahupun apa-apa bentuk aktiviti yang mendorong kepada eksploitasi seksual. Berdasarkan pendekatan ini, kegiatan pelacuran merupakan antara bentuk perlakuan yang jelas bercanggah dengan tuntutan syarak kerana menjadi medium kepada perlakuan zina serta merosakkan maruah, keturunan dan institusi kekeluargaan.

Perkembangan teknologi digital pada masa kini telah mengubah modus operandi kegiatan pelacuran daripada kaedah konvensional kepada pelbagai bentuk pelacuran moden dalam talian. Walaupun medium pelaksanaannya berubah selaras dengan perkembangan teknologi, hakikat dan hukum pelacuran menurut Islam tetap tidak berubah kerana unsur (*'illah*) yang membawa kepada pengharamannya masih kekal. Oleh itu, isu pelacuran moden dalam talian tidak boleh dinilai dari sudut perundangan semata-mata, bahkan perlu dianalisis berdasarkan prinsip-prinsip Syariah yang menjadi asas kepada pemeliharaan agama, maruah, keturunan dan kesejahteraan masyarakat sebelum dibincangkan dari perspektif undang-undang sedia ada di Malaysia.

Teknologi semakin berkembang pesat hari demi hari di seluruh dunia. Segala maklumat boleh diperoleh hanya dengan menggunakan gajet elektronik yang sedia ada. Manusia juga mampu berkomunikasi antara satu sama lain dengan menggunakan teknologi canggih pada era ini. Apabila manusia tidak memiliki peluang untuk berjumpa secara bersemuka, maka pilihan yang terbaik adalah berinteraksi di alam siber melalui aplikasi-aplikasi khas dalam talian seperti *Google Meet*, *WhatsApp*, *Telegram* dan sebagainya. Kegiatan pelacuran tidak asing dalam kehidupan manusia di seluruh dunia kerana ia telah wujud sejak berabad-abad lamanya di setiap zaman dan tamadun. Golongan yang

melakukan aktiviti pelacuran, sama ada lelaki atau wanita, menggunakan tubuh badan mereka sebagai sumber pendapatan dengan menawarkan perkhidmatan seksual. Melalui penggunaan teknologi pada masa kini, kegiatan ini bukan sahaja boleh dilakukan secara bersemuka, malah dapat dijalankan dalam talian menerusi aplikasi perhubungan atau media sosial.

Aktiviti pelacuran moden dalam talian ini adalah kritikal dan mampu membawa krisis kepada seluruh masyarakat. Namun begitu, masih terdapat sebahagian besar masyarakat yang tidak mempunyai pengetahuan tentang masalah ini. Mereka menganggap pelacuran kebiasaannya dijalankan di rumah pelacuran, lorong-lorong atau tepi jalan sahaja. Realitinya, kemajuan teknologi yang sedia ada sebenarnya telah membuka peluang kepada berbagai-bagai kegiatan jenayah seperti perjudian dan pelacuran untuk dilakukan dan diteruskan dalam talian.

Servis pelacuran moden wujud dalam pelbagai aplikasi media sosial dan mudah diakses oleh setiap lapisan masyarakat. Individu-individu yang terlibat dalam kegiatan ini bebas menjalankan kegiatan ini tanpa sebarang sekatan. Perkara tersebut menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat kerana kegiatan tersebut adalah suatu yang bercanggahan dengan undang-undang dan norma manusia. Kesukaran dalam menangani perkembangan kegiatan pelacuran moden ini juga menimbulkan pelbagai persoalan berkaitan keberkesanan kerangka perundangan sedia ada dan penguatkuasaannya di Malaysia. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti bentuk-bentuk pelacuran moden dalam talian dan menganalisis isu ini dari perspektif undang-undang di Malaysia.

KONSEP PELACURAN MODEN DALAM TALIAN

Kegiatan pelacuran atau kerja seks bukanlah suatu fenomena baru dalam kehidupan masyarakat. Ia telah wujud sejak berabad-abad lalu dan memberi kesan negatif kepada masyarakat hingga ke hari ini. Secara umumnya, aktiviti pelacuran dianggap sebagai suatu kegiatan tidak bermoral yang melibatkan jualan perkhidmatan seksual bagi suatu faedah. Pelacuran boleh ditakrifkan sebagai penyediaan perkhidmatan yang wujud dalam aspek seksual sebagai pertukaran wang atau manfaat lain.¹ Pelacuran menurut perspektif Islam pula adalah perbuatan menjual diri demi suatu manfaat dengan melakukan hubungan seksual yang membawa kepada dosa besar dan haram hukumnya. Kegiatan pelacuran telah wujud sejak zaman *jahiliyah* dan pelacuran dirujuk sebagai “*al-*

¹ Carlotta Rigotti, “When the Law Meets Feminisms: The Shortcomings of Contemporary Prostitution Policies across the European Union,” *Women’s Studies International Forum* 86 (2021): 102467.

bighā” pada zaman itu. Golongan yang terlibat dalam pelacuran dikenali sebagai hamba (*amah*), majikan (*sayyid*), wanita yang bukan hamba (*hurrah*) dan pekerja seks (*al-qahbah*). Hamba merupakan golongan yang paling tertindas kerana berlakunya eksploitasi seksual oleh majikan mereka.² Dalam pada itu, pelacuran dikategorikan di bawah perbuatan zina. Al-Quran secara tegas melarang mendekati zina dan mengambil keuntungan dari perbuatan tersebut. Dari perspektif undang-undang di Malaysia pula, pelacuran tidak ditakrifkan secara khusus, tetapi dirujuk melalui pelbagai kesalahan dalam Kanun Keseksaan seperti hidup daripada hasil pelacuran, mengeksploitasi pelacuran atau mencari langganan seks.

Dari perspektif fiqh Islam, pelacuran termasuk dalam ruang lingkup perbuatan yang membawa kepada zina dan diharamkan secara qat’i berdasarkan nas-nas al-Quran dan al-Sunnah. Walaupun zina dari sudut hukum hudud mempunyai syarat pembuktian yang tertentu, pelacuran sebagai suatu bentuk eksploitasi seksual dan transaksi berasaskan hubungan seksual tetap merupakan perbuatan yang ditegah oleh syarak. Larangan tersebut bukan sahaja bertujuan mencegah perlakuan zina, malah memelihara maruah manusia, keturunan, institusi kekeluargaan dan kesejahteraan masyarakat sebagaimana yang ditekankan dalam *maqāṣid al-syarī‘ah*. Oleh itu, perubahan medium pelaksanaan daripada pelacuran konvensional kepada pelacuran moden dalam talian tidak mengubah hukum asalnya kerana unsur (*illah*) yang membawa kepada pengharamannya masih kekal.

Kemajuan teknologi digital merupakan pemangkin utama kepada perkembangan aktiviti pelacuran. Pelaksanaan kegiatan pelacuran telah berubah daripada cara konvensional kepada pelacuran yang dijalankan dalam talian. Sebelum perkembangan teknologi digital, masyarakat melibatkan diri dalam aktiviti pelacuran melalui kewujudan rumah pelacuran, pertemuan secara bersemuka di hotel bajet dan sebagainya. Kini, perkhidmatan-perkhidmatan seksual boleh dijalankan melalui media sosial dan aplikasi dalam talian. Transformasi ini telah menyebabkan kesukaran dalam mengesan kegiatan pelacuran kerana urusan-urusan berkaitan pelacuran dijalankan secara maya dan tidak lagi secara bersemuka.

Isu pelacuran moden di aplikasi dalam talian menjadi semakin kritikal apabila golongan yang terlibat dalam kegiatan ini aktif mempromosikan dan mengiklankan perkhidmatan mereka di media sosial. Hal ini menunjukkan bahawa golongan-golongan ini tidak

² Moh Ashif Fuadi, Moh Mahbub, Irma Ayu Kartika Dewi, Martina Safitry, and Sucipto Sucipto, “The Historical Study of Prostitution Practices and Its Fiqh Analysis,” *Jurnal Daulat Hukum* 5, no. 2 (2022): 92.

memiliki perasaan takut untuk melakukan perkara yang tidak bermoral seperti menjual tubuh badan atau melanggannya meskipun perbuatan-perbuatan ini adalah suatu aktiviti yang salah di sisi undang-undang. Tambahan pula, kegiatan pelacuran merupakan sesuatu yang bertentangan dengan amalan masyarakat, norma dan budaya.³

Pelacuran moden dalam talian membabitkan transaksi melalui cara pembayaran dalam talian. Apabila pelanggan ingin meneruskan urusan niaga tersebut, dia akan diminta untuk membuat pemindahan wang ke dalam akaun bank tertentu.⁴ Pembayaran juga boleh berlaku melalui transaksi dalam aplikasi atau laman sesawang yang menggunakan metode pembayaran kad kredit, perbankan internet, dompet digital dan sebagainya. Kaedah ini kerap kali dilakukan apabila seseorang itu ingin memperoleh gambar atau video-video yang dimuat naik oleh individu yang terlibat dalam pelacuran dan ia hanya boleh diakses selepas selesai pembayaran tersebut. Kaedah transaksi tersebut menunjukkan bahawa perkembangan teknologi telah mempengaruhi medium komunikasi dan transaksi berkaitan kegiatan pelacuran.

Konsep pelacuran moden merangkumi jenis-jenis perkhidmatan seperti jual beli gambar atau video berunsur seksual, tempahan individu untuk menjalankan aktiviti seksual dalam talian, panggilan seks, sembang seks dan perkhidmatan seks melalui panggilan video. Orang-orang yang terlibat dalam pelacuran dalam talian boleh bertukar kandungan lucah atau pornografi tanpa perlu bertemu di suatu lokasi tetap.⁵ Kegiatan pelacuran moden dalam talian juga lebih digemari oleh pekerja seks pada zaman ini. Berbeza dengan pelacuran yang dijalankan pada zaman dahulu, interaksi antara individu-individu yang terlibat dalam pelacuran boleh berlaku sepenuhnya melalui medium digital.

Secara keseluruhannya, pelacuran moden dalam talian adalah berpaksikan kepada penggunaan platform dalam talian seperti aplikasi telefon pintar, media sosial dan laman sesawang untuk melaksanakan aktiviti tersebut. Fenomena ini turut dipanggil sebagai pelacuran moden kerana kegiatan pelacuran telah berevolusi dengan pantas dan

³ Khafit Badrus Zaman, Mohammad Iqbal Firman Ardiansyah, Muhammad Busthomi Arviansyah, Muhammad Ferdyan Syach, and Aji Prasetya Wibawa, "Social Media and Online Prostitution Industries," *Bulletin of Social Informatics Theory and Application* 6, no. 1 (2022): 7-12.

⁴ Catur Suratnoaji, Tresna Maulana Fahrudin, Made Haninda Prami Swari, and Amalia Anjani Arifiyanti, "Communication Network Risks and Digital Footprints in Online Prostitution in Indonesia: Netnographic Study on Online Prostitution in Twitter Media," *Migration Letters* 21 (2024): 1080-1092.

⁵ Ferry Adhi Dharma, Retno Andriati Liestianingsih, Didik Hariyanto, and Niko Fediyanto, "Online Prostitution Among Millennials: A Consequence of Westernized Lifestyles?" in *Proceedings of the International Conference on Intellectuals' Global Responsibility (ICIGR 2022)* (Springer Nature, 2023), 308.

mengalami perubahan besar berbanding pelacuran secara tradisional. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa pemodenan dunia dan teknologi memainkan peranan yang besar dalam pembentukan kegiatan pelacuran moden dalam talian. Keadaan ini turut menunjukkan bahawa pelacuran moden dalam talian bukan sahaja melanggar peruntukan undang-undang, malah bercanggah dengan objektif utama Syariah (*maqāṣid al-syarī'ah*), khususnya dalam memelihara keturunan (*ḥifẓ al-nasl*), maruah (*ḥifẓ al-'ird*) dan agama (*ḥifẓ al-dīn*). Walaupun medium pelaksanaannya berubah kepada platform digital, mudarat yang terhasil tetap menjejaskan kepentingan-kepentingan asas yang ingin dipelihara oleh Syariah.

JENIS-JENIS PELACURAN MODEN DALAM TALIAN

Kegiatan pelacuran terbahagi kepada dua kategori iaitu pelacuran tradisional dan pelacuran moden dalam talian. Pelacuran tradisional merujuk kepada pelacuran jalanan atau di rumah-rumah pelacuran manakala pelacuran moden dalam talian adalah pelacuran yang dilakukan dan boleh diakses melalui platform dalam talian. Sejak beberapa tahun lepas, masyarakat tidak perlu melawat rumah pelacuran untuk mendapatkan perkhidmatan seks lagi.⁶ Mereka boleh melanggan orang yang melacur di media sosial dan aplikasi telefon pintar. Dari perspektif fiqh Islam, perubahan medium pelaksanaan tidak mengubah hukum asal pelacuran kerana unsur (*'illah*) yang membawa kepada pengharamannya masih kekal, iaitu eksploitasi seksual dan perbuatan yang membawa kepada zina. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan media sosial pada asalnya diharuskan. Akan tetapi, penggunaannya bagi tujuan pelacuran merupakan wasilah kepada zina. Berdasarkan prinsip *sadd al-dharā'i'*, segala medium yang membawa kepada kemaksiatan boleh dihalang bagi menutup ruang berlakunya kerosakan yang lebih besar. Berikut merupakan jenis-jenis pelacuran moden dalam talian.

1. Pelacuran Melalui Media Sosial

Individu-individu yang terlibat dalam pelacuran moden jenis ini akan mempromosikan perkhidmatan pelacuran dan kandungan-kandungan berunsur seksual di media sosial. Antara media sosial yang popular dengan kegiatan ini adalah *Twitter*, *Telegram*, *Instagram*, dan *Facebook*. Urusan jual beli atau tempahan dijalankan melalui mesej peribadi dan pembayaran wang pula akan dilakukan secara dalam talian menerusi dompet digital, perbankan internet dan sebagainya. Individu-individu tersebut biasanya akan menggunakan nama samaran dan merahsiakan wajah mereka supaya identiti sebenar tidak terbongkar.

⁶ Ferry Adhi Dharma, Retno Andriati Liestianingsih, Didik Hariyanto, and Niko Fediyanto, "Online Prostitution Among Millennials: A Consequence of Westernized Lifestyles?" 308.

2. Perkhidmatan Seksual Melalui Panggilan Video

Manusia sering berhubung melalui panggilan video untuk tujuan komunikasi bersama keluarga, kawan, pasangan dan sebagainya. Pelacuran moden dalam talian turut boleh dijalankan dengan perkhidmatan panggilan video di aplikasi seperti *WhatsApp* dan *Google Meet*. Pelanggan akan membuat pembayaran demi mendapatkan sesi tontonan perlakuan tidak bermoral dan seksual secara langsung oleh individu yang terlibat dalam aktiviti pelacuran. Pihak-pihak yang terlibat juga selalunya berinteraksi dan berurusan melalui media sosial terlebih dahulu lalu menggunakan aplikasi yang mempunyai ciri panggilan video untuk meneruskan perkhidmatan seksual mereka.

3. Servis “*Sugar Dating*”

Isu “*sugar dating*” ini pernah menjadi polemik dalam kalangan masyarakat beberapa tahun yang lalu. Servis ini amat popular terutamanya dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi di institusi pengajian tinggi. Aplikasi *Sugarbook* adalah salah satu aplikasi terkenal yang menawarkan servis tersebut dan ia pernah tular di dunia internet. Individu-individu yang dipanggil sebagai “*sugar baby*” akan ditawarkan wang dan hadiah yang lumayan daripada “*sugar daddy*” atau “*sugar mommy*” apabila mereka memenuhi permintaan-permintaan seperti hubungan seks, menjadi peneman untuk seharian, bercuti bersama dan lain-lain. Tempahan dan temu janji juga perlu dilakukan dalam talian sebelum kedua-dua pihak bertemu secara bersemuka.

4. Langganan Berbayar Kandungan Berunsur Seksual

Pelacuran yang dijalankan melalui platform penstriman langsung berlaku secara langsung dan secara terbuka bagi tontonan umum. Individu yang terlibat akan menayangkan tubuh badan, menari atau berkelakuan tidak bermoral di hadapan kamera dan orang-orang yang menonton dapat menikmati penstriman tersebut secara langsung di platform tertentu seperti *TikTok* dan *OnlyFans*. Misalnya, 98% pencipta kandungan di *OnlyFans* menyiarkan foto atau video diri mereka sebagai kandungan berbayar atau melakukan penstriman yang berunsur seksual.⁷ Di *TikTok* pula, penonton akan memberi hadiah atau wang berbentuk digital sebagai upah kepada individu yang melakukan penstriman secara langsung di platform tersebut.

⁷ Culture Reframed, “OnlyFans and the Reality of Online Prostitution,” 2023, <https://culturereframed.org/onlyfans-and-the-reality-of-online-prostitution/>

5. Servis “*Sexting*” Berbayar

“*Sexting*” secara umumnya merujuk kepada perbuatan menghantar atau menerima mesej berunsur seksual atau kandungan seksual melalui internet, telefon bimbit, atau mana-mana peranti elektronik.⁸ Perkhidmatan ini merangkumi penghantaran gambar, video, rakaman suara dan interaksi seksual di antara individu yang terlibat dalam kegiatan pelacuran dengan pelanggan servis ini. Pelanggan memberikan sejumlah bayaran kepada individu yang terlibat untuk memperoleh kepuasan seksual melalui aktiviti “*sexting*” di alam maya. Apabila “*sexting*” dijalankan sebagai suatu servis yang memiliki unsur ganjaran dan bersifat komersial, ia memenuhi ciri utama sebagai kegiatan pelacuran moden dalam talian.

FAKTOR PENGLIBATAN DALAM KEGIATAN PELACURAN MODEN DALAM TALIAN

Terdapat pelbagai faktor yang mendorong seseorang individu untuk melibatkan diri dalam kegiatan pelacuran moden dalam talian. Antaranya ialah faktor kewangan dan ekonomi yang lemah. Keadaan kewangan yang lemah menyebabkan individu mencari sumber pendapatan yang mampu memberikan keuntungan yang tinggi dalam tempoh yang pendek. Pelacuran dalam talian dianggap sebagai suatu pilihan yang mudah kerana hanya melibatkan modus operandi seperti memuat naik gambar atau video berunsur lucah di aplikasi atau laman sesawang dalam talian.⁹ Kegiatan ini tidak memerlukan tenaga dan kos yang tinggi berbanding pekerjaan-pekerjaan lain yang memerlukan kemahiran, masa dan tenaga. Jelaslah bahawa faktor kewangan dan ekonomi yang lemah mendorong masyarakat khususnya individu-individu yang mengalami masalah kewangan untuk melibatkan diri dalam aktiviti pelacuran moden.

Kemudahan dan kemajuan teknologi masa kini turut menjadi pemangkin kepada isu ini. Hal ini dikatakan demikian kerana platform dalam talian seperti aplikasi telefon pintar dan media sosial memudahkan komunikasi antara pelanggan dengan orang yang melacur tanpa memerlukan pertemuan fizikal. Individu-individu yang terlibat dapat meneruskan urusan mereka tanpa sebarang halangan dalam komunikasi. Mereka juga boleh menjalankan kegiatan pelacuran dalam

⁸ Aina M. Gassó, K. Mueller-Johnson, and I. Montiel, “Sexting, Online Sexual Victimization, and Psychopathology Correlates by Sex: Depression, Anxiety, and Global Psychopathology,” *International Journal of Environmental Research and Public Health* 17, no. 3 (2020): 1018, <https://doi.org/10.3390/ijerph17031018>

⁹ Fahmi Tajuddin, and Fareez Azman, “Trend Pelacuran Moden “Dark Side” Jerat Remaja di Media Sosial,” *Buletin TV3*, 21 Disember 2024, <https://www.buletintv3.my/nasional/eksklusif-trend-pelacuran-moden-dark-side-jerat-remaja-di-media-sosial/>, diakses 13 April 2025.

talian secara tersembunyi dan perkara ini menyukarkan pihak berkuasa untuk mengesan individu-individu tersebut apabila wujud ciri-ciri seperti akaun palsu dan pembayaran dalam talian. Jika dibandingkan dengan pelacuran yang dilakukan secara tradisional, pelacuran moden dalam talian lebih praktikal dan efektif. Situasi ini menunjukkan bahawa kemajuan teknologi masa kini memperluas peluang eksploitasi seksual apabila digabungkan dengan faktor tekanan ekonomi kerana kemudahan komunikasi dan kelemahan penguatkuasaan di alam siber.

Faktor lain yang menyumbang kepada fenomena ini adalah pengaruh gaya hidup hedonistik.¹⁰ Gaya hidup ini merujuk kepada kehidupan yang berpaksikan kemewahan, keseronokan, nafsu dan kepuasan diri. Perkara ini mendorong sebahagian individu untuk mengabaikan nilai moral, budaya dan agama demi mencapai gaya hidup tersebut. Pempengaruh dan pencipta kandungan internet mewujudkan tekanan sosial untuk memiliki taraf hidup yang mewah. Keadaan ini menyebabkan sesetengah individu menggunakan platform dalam talian untuk memperoleh wang dan kemewahan tersebut. Dalam konteks pelacuran moden, teknologi yang maju membolehkan individu-individu yang berkenaan untuk menyebarkan perkhidmatan mereka di alam maya dengan mudah. Oleh hal yang demikian, pengaruh gaya hidup hedonistik yang berlaku seiring dengan kemajuan teknologi menggalakkan normalisasi dan komersialisasi eksploitasi seksual dan pelacuran moden.

Faktor yang berikutnya adalah ketidakstabilan emosi yang berpunca daripada pelbagai latar belakang masalah seperti kekurangan kasih sayang dan sokongan dari keluarga, isu buli, tidak mendapat kepuasan daripada hubungan bersama pasangan, dan sebagainya. Keadaan ini menyebabkan seseorang itu terjebak dalam kegiatan pelacuran moden dalam talian kerana ia merupakan cara yang mudah untuk memuaskan nafsu, mendapatkan pemerhatian dan memberontak dari segi emosi. Akaun-akaun media sosial yang menjalankan aktiviti pelacuran moden dalam talian sering memperoleh perhatian yang banyak dari pelanggan-pelanggan yang berpotensi. Interaksi berunsur seksual antara orang yang terlibat dalam pelacuran dengan pelanggannya turut membawa kepada kepuasan diri seseorang individu. Dalam jangka masa panjang, individu-individu yang berkenaan akan hilang nilai moral dalam diri dan mengalami masalah psikologi sehingga bergantung kepada kegiatan pelacuran untuk memuaskan diri dari aspek kewangan dan nafsu.

¹⁰ Sri Restu Fajarwati, Tri Rahayuningsih, and Adri Murni, "Dinamika Psikologis Mucikari Remaja pada Prostitusi Online," *Psychopolytan: Jurnal Psikologi* 1, no. 1 (2017): 17-22.

Rumusannya, individu-individu yang terlibat dalam pelacuran moden dalam talian kebiasaannya dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti faktor kewangan dan ekonomi, emosi, gaya hidup dan lain-lain. Individu-individu tersebut merasakan bahawa aktiviti pelacuran dalam talian dapat membantu dan menambahbaik kehidupan mereka. Ramai orang juga memilih untuk melakukan pelacuran moden dalam talian kerana kemudahan untuk mengakses media sosial, aplikasi telefon pintar dan laman sesawang yang berkaitan. Jelaslah bahawa faktor-faktor yang dinyatakan di atas telah memainkan peranan yang besar terhadap peningkatan isu pelacuran moden dalam talian.

IMPLIKASI PENGLIBATAN DALAM KEGIATAN PELACURAN MODEN DALAM TALIAN

Penglibatan dalam kegiatan yang bertentangan dengan budaya dan agama seperti pelacuran boleh membawa kepada banyak keburukan terhadap diri, masyarakat dan negara. Antara implikasi penglibatan dalam kegiatan pelacuran moden dalam talian adalah pendedahan negatif kepada aktiviti tidak bermoral terhadap golongan muda. Generasi muda adalah golongan yang memiliki sifat ingin tahu dan mencuba yang tinggi. Melalui kecanggihan teknologi sekarang, kanak-kanak dan remaja mudah mengakses alam siber untuk memenuhi persoalan dan keinginan yang terlintas dalam minda mereka. Misalnya, remaja yang terlibat dalam pelacuran moden mampu mengalami ketagihan pornografi, terjerumus dalam gejala sosial yang lain dan akan berterusan melakukan aktiviti pelacuran bagi memuaskan diri mereka. Situasi ini akan melahirkan generasi yang mengutamakan keseronokan hidup, hubungan seksual dan nafsu dalam kehidupan pada masa akan datang sekaligus memusnahkan masa depan generasi muda.

Implikasi yang seterusnya adalah individu-individu yang terlibat dalam pelacuran moden dalam talian terdedah kepada risiko penghendapan dalam talian atau lebih dikenali sebagai *cyber-stalking*. Penghendapan dalam talian bermaksud pengawasan obsesif terhadap mangsa sehingga membawa kepada gangguan dan pengintaian yang berbahaya.¹¹ Pencerobohan data, pemerasan, pencurian identiti dan intimidasi boleh berlaku kepada individu yang terlibat dalam pelacuran moden dalam talian. Contohnya, seseorang itu mengugut individu yang melacur dengan ugutan untuk menyebarkan gambar atau video lucahnya untuk tontonan ramai dan dijadikan sebagai bahan masturbasi. Kebiasaannya aktiviti pelacuran dalam talian dijalankan secara terbuka dan ia memudahkan seseorang untuk memperoleh maklumat peribadi

¹¹ Siti Elda Nadzirah Rosli, Wardatul Hayat Adnan, and Ahlam Abdul Aziz, "Online Content Risk Among Adolescents: Reviews on Malaysia Law and Policy," *Journal of Media and Information Warfare (JMIW)* 14, no. 2 (2021): 31-45.

individu yang melakukan pelacuran dalam talian. Situasi ini akan membawa kepada eksploitasi yang berterusan sehingga mengancam keselamatan dan nyawa individu-individu yang terlibat.

Perubahan emosi dan mental merupakan salah satu daripada implikasi penglibatan dalam pelacuran moden dalam talian. Mereka yang menjalankan kegiatan pelacuran ini akan merasakan diri mereka tidak berharga lagi. Apabila sentiasa dibelenggu oleh fikiran negatif, ia akan memberi kesan yang mendalam terhadap mental dan emosi mereka. Situasi ini boleh menyebabkan individu-individu tersebut mengalami masalah psikologi seperti kemurungan, Gangguan Kecemasan Umum (GAD), Gangguan Tekanan Selepas Trauma (PTSD), dan sebagainya. Gangguan Kecemasan Umum atau lebih dikenali sebagai '*Generalised Anxiety Disorder*' adalah keadaan di mana seseorang mengalami rasa cemas dan bimbang yang berlebihan sehingga sukar dikawal. Individu yang pernah terlibat dalam pelacuran mudah menjadi panik apabila berasa terganggu oleh sesuatu. Gangguan Tekanan Selepas Trauma (PTSD) pula adalah suatu keadaan di mana seseorang mengalami ketakutan atau tekanan yang teruk selepas berdepan dengan situasi yang memudaratkan. Tanpa rawatan yang efektif, ia boleh berlarutan dan mengganggu kehidupan harian individu yang mengalaminya. Penyakit-penyakit mental seperti di atas akan membuatkan seseorang itu memandang semua perkara secara negatif dan akhirnya mendorong individu tersebut kepada putus asa terhadap hidupnya atau bunuh diri.

Di samping itu, penglibatan dalam pelacuran moden dalam talian juga memberi impak sosial dan impak terhadap hubungan kekeluargaan. Apabila aktiviti mereka terbongkar, sama ada penyebaran tersebut dilakukan oleh pihak ketiga atau diri sendiri, mereka akan berasa sangat malu. Keluarga mereka akan berhadapan dengan perasaan kecewa sehingga menyebabkan kerenggangan hubungan di antara mereka yang melacur dengan ahli keluarga. Masyarakat juga memandang rendah terhadap golongan yang menjalankan aktiviti pelacuran tersebut. Stigma masyarakat menyebabkan mereka terasing daripada perhubungan sosial yang normal dan akhirnya ia mendorong mereka menjalankan aktiviti pelacuran dalam talian secara berterusan sebagai salah satu alternatif untuk bersosial.

Intihanya, kegiatan pelacuran moden dalam talian mempunyai berbagai-bagai implikasi negatif yang mampu memusnahkan kehidupan individu-individu yang terlibat dengannya, serta mengancam masa depan masyarakat dan negara. Ia memberi kesan terhadap pelbagai perkara seperti aspek sosial, mental, dan sebagainya. Komuniti pelacuran moden bukanlah satu-satunya pihak yang terjejas, malah masyarakat lain turut akan menerima akibatnya. Walaupun sesetengah

individu menganggap pelacuran dalam talian sebagai sumber pendapatan yang cepat, manfaat tersebut hanya bersifat sementara dan terhad. Sebaliknya, kemudaran yang terhasil melibatkan keruntuhan institusi keluarga, eksploitasi seksual, penyebaran kandungan lucah dan peningkatan jenayah siber adalah jauh lebih besar. Berdasarkan prinsip fiqh, kemudaran yang bersifat umum hendaklah dielakkan walaupun terdapat manfaat kepada individu tertentu. Terbuktilah bahawa aktiviti pelacuran moden dalam talian membawa banyak keburukan kepada manusia sejak dari zaman dahulu hingga sekarang.

UNDANG-UNDANG SIVIL BERKAITAN PELACURAN

Kegiatan pelacuran merupakan suatu jenayah di Malaysia dan kebanyakan negara lain.¹² Terdapat beberapa negara juga yang tidak menganggap kegiatan pelacuran sebagai suatu jenayah.¹³ Undang-undang diwujudkan demi mencegah kejahatan dan jenayah, mengawal tingkah laku manusia, memastikan keadilan dan ketertiban dalam masyarakat. Rentetan daripada itu, terdapat pelbagai peruntukan undang-undang berkaitan pelacuran di Malaysia yang bertujuan untuk mengawal dan menghukum individu-individu yang terlibat dalam aktiviti pelacuran. Walau bagaimanapun, kebanyakan undang-undang ini digubal sebelum perkembangan pesat internet, media sosial dan platform digital. Oleh hal yang demikian, peruntukan-peruntukan tersebut lebih tertumpu kepada pelacuran konvensional yang melibatkan interaksi secara fizikal, seperti rumah persundalan, orang tengah dan kegiatan menawarkan perkhidmatan seks di tempat awam. Kewujudan pelacuran moden dalam talian telah mewujudkan jurang dari sudut penguatkuasaan kerana kegiatan ini kini dilakukan melalui medium digital yang tidak dinyatakan secara khusus dalam undang-undang berkenaan. Keadaan ini menyebabkan penguatkuasa bergantung kepada tafsiran yang luas dalam peruntukan sedia ada atau menggunakan undang-undang seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 untuk menangani kes yang melibatkan platform dalam talian. Penjelasan terperinci berkenaan undang-undang berkaitan akan diuraikan dalam subtopik di bawah.

1. Kanun Keseksaan

Kanun Keseksaan ialah undang-undang utama di Malaysia yang memiliki peruntukan jenayah dan hukuman bagi pelbagai kesalahan jenayah. Kanun Keseksaan di Malaysia menggunakan pendekatan yang sama dengan Kanun Keseksaan di India, iaitu pendekatan yang berasal

¹² Pelacuran merupakan suatu jenayah di Malaysia dan negara lain seperti Indonesia, China, Filipina, Iran dan Rusia.

¹³ Pelacuran tidak dianggap sebagai suatu jenayah di negara-negara seperti Belgium, Jerman, Mexico, Switzerland dan Netherlands.

dari Undang-Undang Inggeris (*Common Law*).¹⁴ Ia menjadi panduan dalam mengadili kes jenayah dan melindungi hak masyarakat. Persundalan dan perbuatan-perbuatan yang berkaitan dengannya merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah beberapa seksyen tertentu Akta 574.¹⁵ Antaranya ialah Seksyen 372 Kanun Keseksaan. Seksyen ini mengklasifikasikan perbuatan menjual, menyewakan, membeli atau menggunakan seseorang individu untuk tujuan pelacuran sebagai suatu jenayah seperti situasi seorang bapa menjual anak perempuannya bagi tujuan pelacuran dan sebagainya. Pengiklanan perkhidmatan pelacuran dan menjadi orang tengah atau bersubahat dalam persundalan turut merupakan suatu kesalahan di bawah peruntukan yang sama. Dalam konteks pelacuran moden dalam talian, promosi yang dilakukan melalui media sosial, aplikasi pesanan atau laman sesawang boleh dianggap sebagai bentuk pengiklanan perkhidmatan seksual sekiranya memenuhi elemen-elemen kesalahan yang diperuntukkan.

Seksyen 372A memperuntukkan tentang kesalahan individu yang memperoleh pendapatan hasil daripada persundalan atau perdagangan persundalan. Orang yang menggunakan kuasa mereka atau bersubahat dalam pelacuran dan mendapat hasil daripada perbuatan itu juga boleh dihukum di bawah seksyen ini. Dalam erti kata lain, ibu atau bapa ayam yang meneruskan kehidupan dengan hasil daripada pelacuran individu lain.¹⁶ Dalam konteks pelacuran moden dalam talian, peruntukan ini melibatkan individu yang mengurus akaun media sosial atau bertindak sebagai ejen yang memperoleh keuntungan daripada aktiviti eksploitasi seksual dalam talian. Namun begitu, perkembangan teknologi telah mewujudkan bentuk eksploitasi seksual baharu melalui penggunaan platform digital yang tidak dinyatakan secara khusus dalam seksyen ini.

Seksyen 372B Kanun Keseksaan pula berkaitan dengan mencari langganan bagi tujuan persundalan. Seksyen ini merujuk kepada individu yang memaksa atau menawarkan perkhidmatan seks kepada orang lain untuk mendapatkan bayaran di mana-mana tempat. Pihak yang mencarikan pelanggan, iaitu orang tengah seperti ibu dan bapa ayam juga boleh didakwa di bawah seksyen ini. Perkembangan teknologi membolehkan pelanggan diperoleh melalui aplikasi media sosial, platform digital atau laman sesawang. Walau bagaimanapun,

¹⁴ Norashikin Sharifuddin, Hazlina Mohd Padil, Aliff Rahimi Abd Rahim, Muhammad Akmal Mazlan, Namirah Mohd Akahsah, and Sharifah Shatrah Syed Hamid, "Pemansuhan Jenayah Cubaan Bunuh Diri Di Bawah Seksyen 309 Kanun Keseksaan: Bersediakah Malaysia? Decriminalisation of Suicide Attempt Under Section 309 of the Penal Code: Is Malaysia Ready?," *INSLA E-Proceedings* 3, no. 1 (2020): 86–94, <https://insla.usim.edu.my/index.php/eproceeding/article/view/22>.

¹⁵ Kanun Keseksaan, Akta 574.

¹⁶ Haryati Hasan and Nafisah Ilham Hussin, "Undang-undang Kegiatan Pelacuran di Malaysia, 1916–1973: Satu Perspektif Sejarah," *Kanun Jurnal Undang-undang Malaysia* 37, no. 1 (2025): 53-74.

peruntukan undang-undang masih menggunakan konsep yang dibentuk berdasarkan pelacuran konvensional. Oleh sebab itu, proses membuktikan kesalahan dalam platform digital menjadi lebih kompleks kerana melibatkan elemen dan bukti elektronik.

Perbuatan memiliki, mengurus, mengawal, menyediakan atau membantu menguruskan tempat-tempat seperti rumah persundalan bagi tujuan pelacuran adalah suatu kesalahan di bawah Seksyen 373 Kanun Keseksaan. “Rumah persundalan” dalam seksyen ini ditakrifkan sebagai mana-mana tempat yang diduduki atau digunakan oleh dua atau lebih individu pada satu masa yang sama atau berbeza untuk menjalankan kegiatan pelacuran. Sebaliknya, pelacuran moden dalam talian tidak memerlukan lokasi tetap kerana urusan kegiatan tersebut dilakukan sepenuhnya melalui platform digital. Perkara ini menunjukkan bahawa konsep “rumah persundalan” dalam undang-undang sedia ada tidak menggambarkan sepenuhnya bentuk pelacuran yang beroperasi secara dalam talian sekaligus mewujudkan cabaran dari segi pentafsiran dan penguatkuasaan.

2. Akta Kesalahan Kecil 1995

Akta Kesalahan Kecil 1995 merupakan undang-undang bertulis di Malaysia yang mengandungi peruntukan bagi kesalahan-kesalahan ringan seperti mengganggu ketenteraman awam, berkelakuan tidak senonoh di tempat awam dan lain-lain. Berdasarkan Akta Kesalahan Kecil 1995, aktiviti-aktiviti seperti merayau-rayau dan merayu kepada pelanggan merupakan suatu jenayah.¹⁷ Seksyen 21 memperuntukkan bahawa perbuatan melakukan perkara yang tidak senonoh atau lucah, atau berterusan memujuk atau merayu untuk maksud tidak bermoral, boleh membawa kepada hukuman penjara tidak melebihi empat belas hari atau denda tidak melebihi satu ratus ringgit, atau penjara tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya. Seksyen ini adalah berkait rapat dengan kegiatan pelacuran kerana individu yang berkelakuan lucah atau mengganggu orang lain dengan menawarkan perkhidmatan pelacuran di tempat awam boleh dihukum di bawah seksyen ini.

Seksyen 27(b) Akta Kesalahan Kecil 1995 pula memperuntukkan bahawa pelacur yang berkelakuan tidak senonoh di tempat awam adalah disifatkan sebagai orang leser. “Tidak senonoh” merujuk kepada perlakuan yang bertentangan dengan moral dan norma masyarakat. Perbuatan di bawah seksyen ini boleh menyebabkan individu atau pelacur tersebut dihukum denda tidak melebihi satu ratus ringgit atau

¹⁷ Haryati Hasan and Nafisah Ilham Hussin, “Undang-undang Kegiatan Pelacuran di Malaysia, 1916–1973: Satu Perspektif Sejarah.”

penjara selama tempoh tidak melebihi satu bulan, atau kedua-duanya sekali.

Walau bagaimanapun, kedua-dua seksyen tersebut berkait rapat dengan kegiatan pelacuran yang berlaku secara fizikal. Dalam konteks pelacuran moden dalam talian, promosi dan pencarian pelanggan berlaku melalui media sosial atau laman sesawang berlaku tanpa memerlukan kehadiran secara fizikal. Oleh itu, keberkesanan akta ini untuk menangani pelacuran moden dalam talian adalah terhad kerana kegiatan tersebut berlaku di ruang siber dan bukannya secara fizikal di tempat awam.

3. Akta Kanak-Kanak 2001

Akta Kanak-Kanak 2001 adalah undang-undang bertulis yang digubal untuk melindungi kanak-kanak daripada eksploitasi, pengabaian, dan jenayah, serta memelihara hak dan kebajikan kanak-kanak. Menurut akta ini, kanak-kanak merupakan golongan yang berusia di bawah lapan belas tahun. Akta ini juga bertujuan untuk melindungi kanak-kanak daripada aktiviti tidak bermoral termasuk eksploitasi seksual dan pelacuran. Seksyen 43 menghuraikan tentang pengsabitan bagi pelacuran dan pemerdagangan kanak-kanak di bawah umur. Perbuatan menjual, membeli, memperoleh, menyewa atau menyewakan kanak-kanak bawah umur bagi maksud pelacuran, memaksa kanak-kanak untuk melacur, memudahkan penglibatan kanak-kanak dalam pelacuran, atau lain-lain situasi yang berkenaan, merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen tersebut. Walaupun seksyen ini tidak menyebut secara khusus tentang eksploitasi seksual dalam talian, ia masih relevan terhadap kes pelacuran moden dalam talian yang melibatkan kanak-kanak. Hal ini demikian kerana perkembangan teknologi telah membuka ruang kepada eksploitasi seksual melalui media sosial dan platform digital yang memudahkan pencarian mangsa bawah umur.

4. Akta Imigresen 1959/63

Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) merupakan undang-undang di Malaysia yang memperuntukkan kesalahan-kesalahan berkaitan keluar masuk warga asing atau orang bukan warganegara ke Malaysia. Akta ini bertujuan untuk menjaga keselamatan negara dan mengawal kemasukan pendatang tanpa izin ke dalam negara. Akta Imigresen 1959/63 mempunyai peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan pelacuran warga asing di Malaysia. Seksyen 8 di bawah akta ini memperuntukkan tentang golongan imigran yang dilarang untuk masuk ke dalam Malaysia dan antara golongan yang dilarang tersebut adalah pekerja seks atau pelacur. Seksyen 9 dalam akta yang sama juga memperuntukkan tentang pembatalan pas atau permit apabila seseorang

pemegang permit itu memudaratkan prinsip moral di Malaysia seperti terlibat dalam pelacuran, jenayah dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, ramai individu kini boleh menawarkan perkhidmatan seksual kepada pelanggan di Malaysia melalui platform digital tanpa perlu memasuki negara ini secara fizikal. Keadaan tersebut menunjukkan bahawa penguatkuasaan Akta Imigresen sahaja tidak lagi mencukupi untuk menangani bentuk eksploitasi seksual melalui internet. Penggubalan peruntukan sedia ada dalam undang-undang jenayah dan undang-undang komunikasi diperlukan bagi menambahbaik penguatkuasaan di alam siber.

Secara keseluruhannya, peruntukan undang-undang sivil memainkan peranan penting dalam mengawal kegiatan pelacuran dan eksploitasi seksual. Walau bagaimanapun, dari perspektif Islam, penguatkuasaan undang-undang bukan sekadar bertujuan menghukum pesalah, bahkan berfungsi sebagai mekanisme untuk merealisasikan maqāṣid al-syarī'ah melalui pemeliharaan agama, maruah, keturunan dan kesejahteraan masyarakat. Oleh yang demikian, analisis terhadap isu pelacuran tidak memadai hanya dari sudut perundangan semata-mata, sebaliknya perlu disokong oleh prinsip-prinsip Syariah sebagai asas pembentukan undang-undang.

UNDANG-UNDANG SYARIAH BERKAITAN PELACURAN

Banyak negara yang sedang mempertimbangkan keputusan untuk menyahjenayah pelacuran supaya ia boleh menjadi suatu profesion yang sah di sisi undang-undang.¹⁸ Walau bagaimanapun, kegiatan pelacuran masih merupakan suatu kesalahan di sisi undang-undang sivil dan syariah di Malaysia. Jenayah ditakrifkan sebagai dosa, maksiat atau perbuatan jahat yang dilakukan oleh seseorang individu.¹⁹ Dalam konteks undang-undang syariah, pelacuran dianggap sebagai suatu kesalahan jenayah syariah kerana ia berkaitan dengan zina dan tidak bermoral. Individu-individu beragama Islam yang melakukan pelacuran atau terlibat dengannya boleh dihukum di bawah peruntukan undang-undang syariah dan hukuman maksimum yang dikenakan ke atas mereka adalah denda tidak melebihi lima ribu ringgit, penjara tidak melebihi tiga tahun, dan sebatan tidak melebihi enam kali.

¹⁸ Linda S. Anderson, "Ending the War Against Sex Work: Why It's Time to Decriminalize Prostitution," *University of Maryland Law Journal of Race, Religion, Gender & Class* 21, no. 1 (2021): 72, <https://digitalcommons.law.umaryland.edu/rrgc/vol21/iss1/5>

¹⁹ 'Abd al-Qādir 'Awdah, *al-Tashrī' al-Jinā'ī al-Islāmī* (Bayrūt: Dār al-Khayr, 1990), 66.

Antara peruntukan undang-undang syariah yang berkaitan dengan pelacuran ialah Seksyen 25, Seksyen 26 dan Seksyen 27 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001. Seksyen 25 menjelaskan tentang perbuatan melakukan persediaan untuk melacurkan dirinya. Seksyen 26 pula memperuntukkan tentang perbuatan melakukan persediaan untuk melacurkan isteri atau kanak-kanak di bawah peliharaannya. Seksyen 27 menyebut tentang perbuatan melacurkan isteri atau anak. Hukuman jika disabitkan dengan kesalahan di bawah Seksyen 25, Seksyen 26 atau Seksyen 27 tersebut adalah sama, iaitu denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

Selain itu, Seksyen 23 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, Seksyen 18 Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sarawak) 2001, Seksyen 21 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Johor) 1997, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996, dan Seksyen 19 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014 memperuntukkan kesalahan-kesalahan yang sama iaitu kesalahan melacurkan diri, melacurkan isteri atau kanak-kanak dalam peliharaannya, dan menyebabkan atau membenarkan isteri atau anak-anak dalam peliharaannya melacurkan diri.

Seksyen 71 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995, Seksyen 17 Enakmen Jenayah Dalam Syarak Negeri Perlis 1993 dan Seksyen 74 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Melaka 1991 memperuntukkan tentang kesalahan seseorang suami yang melacurkan atau membiarkan isterinya melacurkan diri dan kesalahan seseorang ibu atau bapa atau penjaga melacurkan anak-anak atau kanak-kanak dalam peliharaannya, atau membenarkan anak-anak atau kanak-kanak di bawah jagaannya untuk melacur. Hukuman bagi kesalahan-kesalahan dalam ketiga-tiga seksyen tersebut adalah denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Seksyen 72 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995, Seksyen 75 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Melaka 1991, Seksyen 18 Enakmen Jenayah Dalam Syarak Negeri Perlis 1993, Seksyen 19 Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) Kelantan 2019, Seksyen 46 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Perak 1992, dan Seksyen 69 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 turut memperuntukkan tentang kesalahan seseorang perempuan yang melacurkan dirinya. Walaupun seksyen-seksyen tersebut menjelaskan tentang kesalahan yang sama, hukuman bagi setiap seksyen tersebut adalah berbeza. Sebagai contoh, hukuman apabila disabitkan dengan kesalahan melacurkan diri di bawah Seksyen 75 Enakmen Kesalahan

Jenayah Syariah Melaka 1991 adalah denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara tidak melebihi dua puluh empat bulan atau kedua-duanya sekali, manakala hukuman bagi kesalahan yang sama di bawah Seksyen 18 Enakmen Jenayah Dalam Syarak Negeri Perlis 1993 adalah denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Dalam konteks masyarakat Islam, pelacuran moden dalam talian melibatkan pelanggaran undang-undang dan percanggahan dengan prinsip syariah. Kemudahan teknologi membolehkan individu Muslim menawarkan atau mempromosikan kandungan seksual kepada pelanggan tanpa perlu bertemu secara fizikal. Hal ini menunjukkan bahawa perkembangan teknologi digital telah mengubah bentuk pelaksanaan jenayah dan memperlihatkan jurang undang-undang melalui kerangka undang-undang syariah yang menumpukan kepada pelacuran konvensional.

Dari sudut penguatkuasaan, pihak berkuasa agama berdepan dengan pelbagai kekangan dalam menangani pelacuran moden dalam talian. Antaranya ialah kesukaran memperoleh bukti digital, penggunaan platform media sosial yang beroperasi di luar bidang kuasa Malaysia dan penggunaan identiti palsu. Selain itu, bidang kuasa undang-undang syariah yang terhad kepada orang Islam dan sempadan negeri turut menyukarkan tindakan diambil terhadap kegiatan pelacuran digital. Keadaan ini menunjukkan bahawa penguatkuasaan undang-undang syariah dalam ruang siber memerlukan kerjasama antara pihak berkuasa agama, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta penyedia platform digital bagi memastikan aktiviti pelacuran moden dalam talian dapat dibendung dengan lebih berkesan.

Perubahan modus operandi daripada pelacuran konvensional kepada pelacuran moden dalam talian memperlihatkan jurang penguatkuasaan kerana banyak elemen seperti promosi perkhidmatan seksual melalui media sosial, penggunaan platform langganan berbayar dan transaksi digital tidak diperuntukkan secara khusus dalam enakmen-enakmen tersebut. Situasi tersebut mengakibatkan pihak berkuasa agama sering berdepan cabaran untuk mengaplikasikan peruntukan sedia ada dalam kes yang melibatkan pelacuran moden dalam talian. Oleh itu, tafsiran undang-undang perlu diperkukuhkan seiring dengan kemajuan teknologi untuk memastikan undang-undang syariah mampu membanteras aktiviti pelacuran moden dalam kalangan masyarakat Islam dengan efektif. Berdasarkan konsep *siyāsah shar'iyah*, pemerintah mempunyai kuasa untuk menggubal dasar dan undang-undang yang dapat menjaga kepentingan awam selagi tidak bercanggah dengan prinsip Syariah. Penggubalan undang-undang khusus berkaitan

pelacuran moden dalam talian merupakan satu bentuk pelaksanaan *siyāsah shar'iyah* bagi memastikan objektif Syariah terus terpelihara dalam menghadapi perkembangan teknologi digital.

Keadaan ini menunjukkan bahawa penguatkuasaan undang-undang syariah tidak boleh dilihat sebagai suatu mekanisme hukuman semata-mata, bahkan merupakan instrumen penting dalam merealisasikan tuntutan Syariah bagi mencegah kemungkaran, memelihara kemaslahatan awam serta menutup segala jalan yang membawa kepada zina berdasarkan prinsip *sadd al-dharā'i'*. Sehubungan itu, sebarang usaha penambahbaikan kerangka perundangan berkaitan pelacuran moden dalam talian hendaklah berteraskan prinsip-prinsip Syariah agar objektif pemeliharaan agama, maruah dan keturunan dapat dicapai secara lebih menyeluruh.

UNDANG-UNDANG BERKAITAN PELACURAN MODEN DALAM TALIAN DI MALAYSIA

Malaysia tidak mempunyai undang-undang khusus berkaitan pelacuran dalam talian. Undang-undang yang sedia ada hanya mencakupi kegiatan pelacuran secara umum dan tidak spesifik kepada pelacuran dalam talian. Perkembangan teknologi telah mengubah modus operandi pelacuran kepada penggunaan media sosial, platform penstriman langsung dan laman sesawang. Kajian terhadap isu pelacuran moden dalam talian dan undang-undang berkaitan juga belum menyeluruh dan tidak mendalam. Walau bagaimanapun, individu yang melakukan pelacuran secara dalam talian masih boleh dikenakan tindakan di bawah undang-undang yang sedia ada. Berikut merupakan undang-undang sedia ada yang berkait rapat dengan pelacuran moden dalam talian yang merangkumi Kanun Keseksaan, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan enakmen jenayah syariah dalam negeri- negeri di Malaysia. Perincian tentang undang-undang tersebut akan dibahas dalam subtopik di bawah.

1. Kanun Keseksaan

Penglibatan dalam pelacuran moden dalam talian boleh dikenakan hukuman di bawah Seksyen 372, Seksyen 372A, dan Seksyen 372B Kanun Keseksaan, sama seperti peruntukan bagi kesalahan persundalan yang dilakukan secara tradisional dan bersemuka. Jika seseorang itu mengiklankan perkhidmatan pelacuran secara dalam talian, individu tersebut boleh didakwa di bawah Seksyen 372 Kanun Keseksaan. Hal ini termasuk individu yang menjadi orang tengah atau muncikari seperti ejen, pengendali aplikasi lucah dan sebagainya. Seksyen 372A pula terpakai kepada orang yang memperoleh pendapatan hasil daripada pelacuran seperti akaun-akaun 'dark side' di aplikasi Twitter yang

menjual kandungan gambar dan video berunsur lucah demi keuntungan. Seksyen 372B boleh dikaitkan dengan individu yang menawarkan perkhidmatan pelacuran atau pihak yang bersubahat dalam mencari pelanggan untuk kegiatan pelacuran.

Seksyen 292 Kanun Keseksaan memperuntukkan tentang kesalahan memiliki, menjual, mengedarkan atau menunjukkan secara awam apa-apa buku, risalah, lukisan atau gambaran yang lucah. Individu-individu yang menyebarkan gambar atau video berunsur seksual untuk tontonan awam demi mempromosikan perkhidmatan pelacuran moden dalam talian mereka boleh didakwa di bawah seksyen ini. Oleh itu, walaupun peruntukan-peruntukan dalam Kanun Keseksaan masih boleh diaplikasikan melalui tafsiran yang luas, ia tidak mengawal secara khusus penggunaan platform digital, media sosial atau komunikasi elektronik yang menjadi medium utama pelacuran moden dalam talian.

2. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998

Berbanding Kanun Keseksaan, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 merupakan instrumen perundangan yang lebih efektif dalam menangani pelacuran moden dalam talian kerana akta ini mengawal penggunaan rangkaian komunikasi dan penyebaran kandungan melalui internet. Pelacuran moden dalam talian melibatkan promosi perkhidmatan seksual, komunikasi dengan pelanggan dan penyebaran kandungan lucah melalui platform digital. Perkara ini memperlihatkan bahawa AKM 1998 lebih sesuai digunakan untuk menangani kegiatan pelacuran yang dijalankan secara dalam talian.

Seksyen 211 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 melarang pemberian kandungan jelik. Kandungan jelik ini bermaksud kandungan yang sumbang, lucah, mengancam dan palsu yang boleh mengganggu orang lain. Situasi ini boleh dikaitkan dengan aktiviti pelacuran moden dalam talian apabila seseorang individu menyebarkan kandungan lucah atau berkomunikasi tentang perkara-perkara seksual di media sosial secara terbuka untuk menarik pelanggan bagi perkhidmatan pelacuran dalam taliannya. Hukuman yang diperuntukkan untuk seksyen ini adalah denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit, atau dipenjarakan tidak melebihi tempoh satu tahun, atau kedua-duanya sekali, atau boleh dikenakan denda tambahan berjumlah satu ribu ringgit untuk setiap hari kesalahan tersebut diteruskan selepas pensabitan.

Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1988 memperuntukkan tentang penggunaan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian yang tidak wajar. Kesalahan ini merangkumi komunikasi lucah bagi maksud komersial kepada mana-mana orang, atau

membenarkan suatu rangkaian itu digunakan untuk tujuan tidak bermoral. Perkara ini boleh dikaitkan dengan individu-individu yang menggunakan aplikasi dalam talian untuk menjalankan kegiatan pelacuran dalam talian seperti penstriman berunsur lucah dan panggilan video seks. Hukuman bagi kesalahan di bawah seksyen ini adalah denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit, atau dipenjarakan tidak melebihi tempoh satu tahun, atau kedua-duanya sekali, atau boleh dikenakan denda tambahan berjumlah satu ribu ringgit untuk setiap hari kesalahan tersebut diteruskan selepas pensabitan.

Walaupun bagaimanapun, penguatkuasaan AKM 1998 masih berhadapan beberapa cabaran. Bukti digital seperti mesej, gambar, video dan rekod transaksi boleh dipadam atau diubah dengan mudah. Di samping itu, pelaku boleh menggunakan akaun palsu dan rangkaian persendirian maya (VPN) yang menyukarkan pengumpulan bukti digital. Situasi menjadi lebih kompleks apabila kegiatan pelacuran dalam talian melibatkan lokasi di luar negara kerana faktor rentas sempadan dan perbezaan undang-undang. Oleh itu, walaupun AKM 1998 merupakan undang-undang yang lebih sesuai untuk menangani pelacuran moden dalam talian berbanding Kanun Keseksaan, keberkesanannya masih bergantung kepada keupayaan penguatkuasa memperoleh bukti digital serta kerjasama daripada penyedia platform dan pihak-pihak berkuasa yang berkaitan.

3. Enakmen Jenayah Syariah Negeri-Negeri di Malaysia

Enakmen kesalahan jenayah syariah di negeri-negeri mempunyai peruntukan berkaitan kegiatan pelacuran. Seksyen 23 Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 yang memperuntukkan kesalahan melacurkan diri, melacurkan isteri atau kanak-kanak dalam peliharaannya, dan menyebabkan atau membenarkan isteri atau anak-anak dalam peliharaannya melacurkan diri. Walaupun istilah “dalam talian” tidak disebut secara khusus, enakmen kesalahan jenayah syariah masih boleh digunakan terhadap individu yang terlibat dalam pelacuran dalam talian sekiranya individu tersebut merupakan orang yang beragama Islam. Sebagai contoh, seorang wanita beragama Islam mempromosikan perkhidmatan pelacuran di aplikasi dalam talian lalu dia dikesan ketika menjalankan kegiatan pelacuran tersebut. Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) boleh menahan wanita tersebut dan dia juga boleh didakwa di bawah peruntukan undang-undang syariah.

KES-KES BERKAITAN PELACURAN DI MALAYSIA

Terdapat banyak kes di mahkamah yang berkaitan dengan aktiviti persundalan atau pelacuran. Antaranya ialah kes Pendakwa Raya lawan Lee Chee Kien [2007] MLJU 479. Dalam kes ini, beberapa orang wanita

telah disimpan di premis berkenaan untuk tujuan pelacuran. Mangsa-mangsa tersebut telah membela diri di Mahkamah dan menjelaskan bahawa mereka telah dikurung dalam rumah itu. Tertuduh dikatakan telah membawa mangsa-mangsa bertemu dengan pelanggan yang membayar untuk perkhidmatan pelacuran. Mahkamah menolak pembelaan tertuduh yang berperanan memudahkan aktiviti pelacuran dengan mengawal mangsa yang dikurung serta membawa mereka kepada pelanggan. Kes ini menunjukkan bahawa individu yang membantu aktiviti eksploitasi seksual boleh dipertanggungjawabkan di bawah undang-undang walaupun bukan pelaku utama dalam kegiatan pelacuran.

Kes seterusnya adalah kes Muhammad Fikri Aslam bin Ishak & Seorang Lagi lawan Pendakwa Raya [2019] MLJU 772. Kes ini melibatkan dua perayu, iaitu Muhammad Fikri Aslam dan Muhammad Aqmal bin Saharudin. Kedua-dua perayu didakwa memperdagangkan dua wanita muda untuk eksploitasi seksual di sebuah hotel di Johor. Perayu didakwa di bawah Seksyen 13 Akta Anti Pmerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007, dan Seksyen 372(1)(f) Kanun Keseksaan iaitu menjadi orang tengah dalam aktiviti persundalan. Mahkamah Sesyen telah mengekalkan sabitan terhadap perayu di bawah seksyen-seksyen tersebut kerana perayu bertindak sebagai orang tengah dalam kes eksploitasi seksual ini. Keputusan Mahkamah menunjukkan bahawa penglibatan dalam kegiatan pelacuran yang mempunyai unsur pmerdagangan manusia merupakan suatu kesalahan yang serius.

Secara keseluruhannya, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) dilihat lebih efektif dalam menangani kegiatan pelacuran moden dalam talian walaupun Kanun Keseksaan mengandungi peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan pelacuran dan eksploitasi seksual. Hal ini demikian kerana AKM 1998 menumpukan kepada kesalahan-kesalahan yang melibatkan penggunaan teknologi digital seperti penyebaran kandungan lucah dan penyalahgunaan platform digital.

Kes Tan Tuan Ping lawan Pendakwa Raya [2011] MLJU 821 turut merupakan kes yang berkaitan dengan kegiatan pelacuran. Dalam kes ini, Mahkamah menegaskan bahawa seseorang yang bertindak sebagai orang tengah dalam kegiatan pelacuran memenuhi elemen kesalahan di bawah Seksyen 372(1)(f) Kanun Keseksaan. Kes ini memperlihatkan bahawa liabiliti jenayah tidak terhad kepada individu yang mengendalikan rumah pelacuran sahaja, malah turut merangkumi pihak yang menjadi penghubung antara pelanggan dengan individu yang dieksploitasi.

Kes James Jeffery & Ors v Public Prosecutor [2022] 7 MLJ 514 merupakan kes di mana tertuduh didakwa atas dua pertuduhan iaitu kesalahan di bawah Seksyen 372(1)(f) Kanun Keseksaan dan Seksyen 14 Akta Anti Perdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007. Kegiatan pelacuran telah berlaku di sebuah rumah di Sandakan, Sabah. Mahkamah mengekalkan sabitan terhadap tertuduh yang menggunakan aplikasi *MiChat* untuk mengeksploitasi mangsa-mangsa dan menawarkan perkhidmatan pelacuran. Keputusan Mahkamah menunjukkan bahawa penggunaan platform digital bagi kegiatan pelacuran atau eksploitasi seksual tidak menghapuskan liabiliti jenayah tertuduh. Walaupun jenayah dilakukan secara dalam talian, perbuatan mengeksploitasi mangsa bagi tujuan pelacuran memenuhi elemen kesalahan di bawah peruntukan undang-undang yang sedia ada.

Jelaslah bahawa peruntukan-peruntukan yang wujud dalam undang-undang di Malaysia seperti Kanun Keseksaan memainkan peranan yang besar dalam mengawal kegiatan pelacuran dan eksploitasi seksual di negara ini. Keputusan-keputusan Mahkamah di atas menegaskan bahawa liabiliti jenayah dikenakan ke atas setiap individu yang terlibat dalam kegiatan pelacuran termasuk individu yang menjadi penghubung antara pelanggan dengan mangsa eksploitasi, individu yang membangunkan rumah pelacuran, individu yang memperoleh keuntungan daripada perkhidmatan seksual, dan sebagainya. Kes-kes di atas turut membuktikan bahawa peruntukan undang-undang yang sedia ada dapat diaplikasikan bagi jenayah yang melibatkan pelacuran moden dalam talian.

CABARAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN PELACURAN DALAM TALIAN

Faktor perkembangan teknologi, modus operandi pelaku yang semakin licik, dan kekangan undang-undang di era globalisasi ini telah mewujudkan pelbagai cabaran terhadap penguatkuasaan undang-undang berkaitan pelacuran moden dalam talian. Berikut merupakan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pihak berkuasa dalam penguatkuasaan undang-undang berkaitan pelacuran moden dalam talian.

1. Penggunaan Nama Samaran dan Identiti Palsu oleh Pelaku

Individu-individu yang terlibat dalam kegiatan pelacuran dalam talian sering menggunakan nama samaran dan identiti palsu untuk urusan transaksi, komunikasi dan pengiklanan perkhidmatan pelacuran. Penggunaan identiti palsu atau akaun media sosial yang palsu akan menyukarkan proses pengesanan, pengecaman, pembuktian dan

pemantauan oleh pihak berkuasa.²⁰ Pihak polis tidak dapat mengesahkan identiti sebenar pelaku di sebalik akaun tersebut dan tidak mampu melakukan semakan rekod rasmi seperti nombor kad pengenalan dan alamat. Pegawai polis juga perlu melalui prosedur yang rumit dengan mendapatkan bantuan perkhidmatan pakar dalam siasatan siber untuk memperoleh data sebenar pelaku.

Hal ini menunjukkan bahawa keberkesanan penguatkuasaan tidak lagi bergantung kepada kuasa undang-undang semata-mata, tetapi turut dipengaruhi oleh keupayaan pakar teknologi dan kerjasama bersama penyedia platform digital. Keadaan ini memberi implikasi kepada proses pendakwaan kerana kelewatan mengenalpasti identiti pelaku akan meningkatkan risiko kehilangan bukti dan mempengaruhi sabitan. Dalam jangka masa panjang, keadaan ini membuktikan bahawa sistem penguatkuasaan jenayah siber memerlukan kapasiti teknikal yang setanding dengan perkembangan teknologi zaman ini.

2. Ketiadaan Undang-Undang Khusus Berkaitan Pelacuran Dalam Talian

Sehingga kini, Malaysia belum mempunyai peruntukan khusus yang menjelaskan secara terperinci tentang “pelacuran dalam talian” sebagai suatu kesalahan jenayah yang tersendiri.²¹ Berdasarkan undang-undang yang sedia ada, tiada definisi atau takrif yang sah bagi pelacuran dalam talian. Kegiatan pelacuran yang dilakukan secara dalam talian masih boleh dianggap sebagai satu kesalahan, tetapi pihak berkuasa perlu merujuk kepada undang-undang sedia ada yang lebih umum seperti Seksyen 372 dan 373 Kanun Keseksaan atau Seksyen 211 dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang melibatkan kandungan berunsur lucah. Walau bagaimanapun, undang-undang tersebut tidak merangkumi atau menyentuh aktiviti pelacuran yang berlaku dalam talian sepenuhnya dari aspek transaksi, pengiklanan dan komunikasi digital dan memerlukan kepada penggabungan peruntukan undang-undang.

Walaupun pendekatan tersebut membolehkan tindakan undang-undang diambil, ia mewujudkan ketidakpastian dari segi skop pemakaian undang-undang kerana pelacuran moden dalam talian melibatkan gabungan aktiviti pengiklanan, komunikasi, transaksi kewangan dan penyebaran kandungan digital yang tidak diperuntukkan secara khusus dalam satu kerangka perundangan. Hal ini menunjukkan

²⁰ Sri Setiawati and Sri Hartati, “Challenges for Investigating Online Prostitution,” *Jurnal Meta-Yuridis* 6, no. 1 (2023): 32-41.

²¹ Arif Awaludin, “The Uncertainty of Regulating Online Prostitution in Indonesia,” in *3rd International Conference on Globalization of Law and Local Wisdom (ICGLOW 2019)* (Atlantis Press, 2019), 332-334.

bahawa sistem perundangan sedia ada masih bergantung kepada tafsiran terhadap undang-undang yang tidak digubal untuk menangani bentuk jenayah digital. Keadaan ini memberi implikasi kepada konsistensi pendakwaan dan berpotensi mewujudkan perbezaan tafsiran undang-undang. Dalam jangka masa panjang, jurang perundangan ini boleh menyebabkan kesukaran dalam mencegah kegiatan pelacuran moden dan memberi kesan terhadap pendakwaan serta sabitan suatu kes yang berkaitan.

3. Kesukaran Dalam Pengumpulan Bukti Aktiviti Dalam Talian

Cabaran utama penguatkuasaan berkait rapat dengan ciri-ciri teknologi digital yang membolehkan bukti elektronik diubah, dipadam atau dipindahkan dalam tempoh singkat. Bukti-bukti seperti mesej, rekod transaksi, gambar dan video merupakan elemen utama dalam pembuktian sesuatu kes. Namun begitu, bukti tersebut mudah dimanipulasi berbanding bukti fizikal.

Banyak platform digital beroperasi di luar bidang kuasa Malaysia dan tertakluk kepada dasar privasi serta undang-undang negara masing-masing. Keadaan ini menyebabkan proses mendapatkan maklumat pengguna atau kandungan komunikasi memerlukan kerjasama rentas sempadan yang mengambil masa yang panjang. Hal ini menunjukkan bahawa cabaran sebenar adalah untuk memastikan bukti digital dapat diperoleh dan diterima oleh mahkamah sewaktu perbicaraan. Keadaan ini memberi implikasi kepada keberkesanan pendakwaan kerana kelewatan memperoleh bukti boleh menyebabkan bukti hilang, saksi sukar dikesan atau lain-lain.

Kes '*Hot Daddy*' atau *Daddy Ash* merupakan satu kes semasa berkaitan kegiatan pelacuran moden dalam talian yang berlaku di Malaysia. Kes ini memperlihatkan kelambatan dalam proses pendakwaan. Tertuduh bersama dua tertuduh wanita yang lain didakwa atas kesalahan membuat pengiklanan perkhidmatan pelacuran dalam talian.²² Pada Disember 2024, ketiga-tiga tertuduh didakwa di mahkamah. Akan tetapi, waran tangkap terhadap mereka gagal diserahkan dan hal ini menyebabkan mereka dilepaskan tanpa dibebaskan sepenuhnya. Dalam kes '*Hot Daddy*', aktiviti pelacuran dijalankan dalam talian melalui aplikasi *X (Twitter)* merangkumi aspek komunikasi, transaksi dan pengiklanan. Hal ini menyukarkan kegiatan pelacuran tersebut dikesan tanpa bantuan teknologi forensik. Ia turut

²² Mohd Kamarul Hasifi Kamarudin, "'Hot Daddy', Dua Teman Wanita Didakwa Tawar Khidmat Persundalan," *Kosmo Digital*, 26 Januari 2024, <https://www.kosmo.com.my/2024/01/26/hot-daddy-dua-teman-wanita-didakwa-tawar-khidmat-persundalan-15-minit-terkini-26-januari-2024/>, diakses 10 Mei 2025.

menjejaskan proses pengumpulan bukti dan memperlahankan proses pendakwaan.

4. Persepsi Negatif Terhadap Penguatkuasaan Undang-Undang Berkaitan Pelacuran Dalam Talian

Penguatkuasaan undang-undang dalam isu pelacuran dalam talian sering mendapat kritikan dari pelbagai pihak terutamanya aktivis yang memperjuangkan hak wanita dan hak manusia, serta organisasi bukan kerajaan (NGO). Hal ini kerana penguatkuasaan tersebut dianggap seolah-olah hanya untuk menghukum individu yang terlibat dan bukan untuk menangani masalah yang sebenar. Aktivis-aktivis seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) menganggap penguatkuasaan ini sebagai suatu bentuk diskriminasi terhadap individu-individu yang terlibat dalam kegiatan pelacuran.²³ Mereka menganggap bahawa setiap manusia mempunyai hak untuk menggunakan tubuh badan bagi pelbagai tujuan seperti memperoleh sumber pendapatan atau memuaskan nafsu diri.

Penguatkuasaan undang-undang berkaitan pelacuran turut ditafsir sebagai suatu perkara yang mewujudkan stigma terhadap pekerja seks atau pelacur. Ia mengakibatkan individu-individu tersebut berhadapan dengan diskriminasi dan stigma sehingga tidak mampu menjalani kehidupan yang normal. Tanggapan negatif terhadap penguatkuasaan itu menyebabkan kehilangan kepercayaan terhadap pihak berkuasa dan situasi ini melemahkan kerjasama masyarakat untuk melaporkan kes-kes berkaitan pelacuran moden dalam talian. Pihak berkuasa terpaksa menggunakan pendekatan lain yang mungkin dapat melambatkan proses penyiasatan dan prosedur pendakwaan. Persepsi negatif ini secara tidak langsung menyukarkan penguatkuasaan undang-undang berkaitan pelacuran dalam talian dan menghalang keberkesanan pelaksanaan undang-undang yang menyeluruh.

Keadaan ini mempengaruhi tahap kepercayaan masyarakat terhadap pihak penguatkuasa. Apabila penguatkuasaan dilihat hanya berorientasikan hukuman tanpa pemulihan dan perlindungan mangsa, individu yang terlibat lebih cenderung untuk tidak bekerjasama dengan pihak berkuasa. Hal ini memperlihatkan bahawa keberkesanan penguatkuasaan juga bergantung kepada tahap keyakinan masyarakat terhadap sistem keadilan. Dalam jangka masa panjang, keadaan ini membuktikan bahawa pendekatan tanpa aspek pencegahan dan pemulihan berisiko mengurangkan keberkesanan usaha membanteras pelacuran moden dalam talian secara menyeluruh.

²³ Ahmad Sanusi Azmi, "Kekeliruan Tentang Hak Pekerja Seks," Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA), 2021, <https://isma.org.my/kekeliruan-tentang-hak-pekerja-seks/>

REALITI SEMASA BERKAITAN PELACURAN MODEN DALAM TALIAN

Fenomena pelacuran moden sedang berkembang pesat di ruang digital. Pelacuran berevolusi dari suatu kegiatan fizikal kepada perkhidmatan seksual yang dijalankan melalui aplikasi telefon pintar, media sosial dan laman sesawang berbayar. Ia turut melibatkan pelbagai lapisan masyarakat termasuk pelajar, golongan profesional dan lain-lain. Perkembangan tersebut membawa kepada kemunculan permasalahan baru yang lebih kompleks dan ia telah mengganggu norma sosial dalam kalangan suatu masyarakat. Permasalahan-permasalahan yang berlaku pada masa kini yang berkaitan dengan pelacuran moden adalah seperti normalisasi dan glorifikasi kegiatan pelacuran moden dalam talian, eksploitasi seksual dalam talian, dan penggunaan kecerdasan buatan untuk mencipta imej palsu.

1. Normalisasi dan Glorifikasi Kegiatan Pelacuran Moden Oleh Media dan Masyarakat

Perkembangan digital pada zaman ini mampu mengubah persepsi masyarakat terhadap suatu perkara. Manusia saling berkongsi pelbagai jenis kandungan di dunia siber tanpa batasan. Dalam konteks semasa, antara realiti yang berlaku dalam kehidupan masyarakat kini adalah pelacuran moden dalam talian dinormalisasikan dan diglorifikasikan.²⁴ Tujuan isu ini dibahas adalah kerana ia merupakan faktor utama bagi penularan aktiviti pelacuran moden dalam talian. Normalisasi dan glorifikasi merujuk kepada penerimaan masyarakat terhadap kegiatan ini di mana pelacuran yang dahulunya dilihat sebagai suatu isu tabu dan tidak bermoral semakin diterima secara terbuka dan dianggap sebagai hak kebebasan setiap individu untuk memilih gaya hidup sendiri. Situasi ini menunjukkan bahawa media dan masyarakat memainkan peranan yang besar dalam perubahan norma sosial tersebut.

Pencipta kandungan *OnlyFans* di luar negara sering dijemput untuk muncul di wawancara *Youtube* atau *podcast*. Mereka bercerita tentang kejayaan hidup hasil daripada jualan gambar dan video lucah di *OnlyFans*, berbincang tentang suatu isu yang berkaitan dengan kerjaya mereka, dan sebagainya. Hos atau pengacara wawancara kerap menumpukan terhadap aspek glamor dan sensasi tanpa memberi penekanan dari sudut moral dan undang-undang. Situasi ini menyebabkan masyarakat terutama sekali golongan muda berpandangan

²⁴ Glorifikasi bermaksud proses memuliakan atau mengangkat sesuatu secara berlebihan.

bahawa kerjaya pelacuran moden ini adalah sah dan membawa banyak kebaikan kepada hidup mereka dari segi ekonomi.

Kes '*Hot Daddy*' atau *Daddy Ash* yang menggemparkan Malaysia pada tahun 2024 turut menggambarkan glorifikasi pelacuran moden. Tertuduh-tertuduh dalam kes ini didakwa atas kesalahan membuat pengiklanan perkhidmatan pelacuran dalam talian. Terdapat sebuah video yang tular di media sosial berkaitan glorifikasi terhadap *Daddy Ash* dan perkara tidak bermoral yang dilakukan olehnya. Dalam video tersebut, orang awam kelihatan bergambar dan beramah mesra dengan *Daddy Ash* yang merupakan tertuduh dalam kes jenayah seksual.²⁵ Daripada pemerhatian yang dijalankan ke atas video itu, segelintir orang awam kelihatan masih menyokong *Daddy Ash* dan menunjukkan minat kepadanya walaupun dia telah didakwa.

Dalam jangka masa panjang, situasi tersebut mampu mempengaruhi masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup yang bebas sehingga ia mengaburkan garis antara moraliti dengan kegiatan jenayah. Maruah diri, etika dan kehormatan diri tidak lagi menjadi keutamaan apabila nilai moral masyarakat terjejas. Kegiatan pelacuran moden juga akan dipersepsikan sebagai sumber pendapatan alternatif yang mudah oleh masyarakat.

2. Eksploitasi Seksual Dalam Talian

Pelacuran tidak lagi terbatas kepada bentuk fizikal, malah berevolusi kepada bentuk baharu iaitu secara dalam talian. Hakikatnya, kemunculan bentuk pelacuran moden yang baru ini telah membawa kepada suatu isu yang lebih besar iaitu pemerdagangan manusia. Pemerdagangan manusia merupakan isu global yang melibatkan pelbagai eksploitasi ke atas manusia seperti pemerdagangan buruh, organ, dan eksploitasi seksual.²⁶ Salah satu realiti semasa berkaitan pelacuran moden adalah perkembangan eksploitasi seksual dalam talian.

Tujuan isu ini perlu diberikan perhatian adalah kerana masyarakat terutama sekali golongan wanita, kanak-kanak dan remaja mudah menjadi mangsa kepada eksploitasi ini. Perbincangan tentang eksploitasi seksual meliputi maklumat semasa tentang kegiatan tidak bermoral ini yang berkait rapat dengan penipuan dan manipulasi. Ia juga

²⁵ The News Malaysia (@thenewsmalaysia), "Tular sebuah video di twitter orang awam bergambar dan beramah mesra dengan Daddy Ash yang terlibat dalam kes jenayah seksual," Instagram video, 10 Februari 2024, <https://www.instagram.com/reel/C3J9vMmrPLK/?igsh=Y2dxcnh0cTJsOXRs>

²⁶ Beatriz Benavente, Diego A. Díaz-Faes, Lluís Ballester, and Noemí Pereda, "Commercial Sexual Exploitation of Children and Adolescents in Europe: A Systematic Review," *Trauma, Violence, & Abuse* 23, no. 5 (2022): 1529-1548.

mampu membuka mata dan minda masyarakat tentang bahayanya aktiviti pelacuran moden yang boleh membawa kepada peningkatan isu eksploitasi seksual dalam talian.

Eksplotasi seksual terjadi apabila berlaku sebarang penyalahgunaan kedudukan, atau kuasa untuk tujuan seksual atau untuk memperoleh manfaat dari segi kewangan, sosial atau politik daripada eksploitasi seksual terhadap orang lain. Wanita dewasa boleh menjadi mangsa eksploitasi seksual apabila mereka menghadapi tekanan ekonomi yang menyebabkan mereka mudah dimanipulasi dengan tawaran wang. Kebanyakan individu yang mempunyai masalah ekonomi akan melakukan apa-apa sahaja atau mengambil jalan pintas untuk memperoleh wang. Pada awalnya, mangsa berkemungkinan menggunakan tubuh badan mereka untuk kegiatan seksual secara sukarela. Namun, situasi bertambah buruk apabila mangsa diperas ugut dengan ugutan seperti penyebaran video lucah mangsa bagi tontonan awam dan lain-lain. Hal ini akan menyebabkan mangsa terperangkap dalam kitaran sisi gelap pelacuran moden.

Golongan muda seperti remaja adalah individu yang berada dalam fasa pencarian identiti sendiri dan mudah dipengaruhi oleh pelbagai anasir. Pemangsa siber mengambil kesempatan daripada situasi ini dan menjadikan mereka sebagai mangsa. Kanak-kanak turut menjadi mangsa bagi kegiatan eksploitasi seksual dalam talian. Pada tahun 2021, organisasi *End Child Prostitution and Trafficking* (ECPAT) melaporkan bahawa sekurang-kurangnya empat peratus kanak-kanak berumur 12 hingga 17 tahun di Malaysia yang menggunakan internet menjadi mangsa kepada eksploitasi seksual.²⁷ Sebanyak 16328 laporan juga direkodkan berkaitan bahan penderaan seksual kanak-kanak di Malaysia pada tahun 2024.²⁸ Eksploitasi seksual kanak-kanak sering melibatkan perkongsian imej mereka tanpa kebenaran di internet dan pembuatan kandungan pornografi kanak-kanak. Golongan kanak-kanak menjadi sasaran kepada pelaku pedofilia yang gemar memuaskan nafsu diri dengan menonton kandungan seksual yang melibatkan kanak-kanak. Kegiatan tidak bermoral ini membahayakan kehidupan serta mendedahkan mangsa kepada kesan jangka masa panjang yang serius seperti trauma dan kerosakan reputasi.

²⁷ ECPAT International, INTERPOL & UNICEF Office of Research, *Perlindungan Kanak-Kanak di Malaysia Daripada Eksploitasi dan Penderaan Seksual Dalam Talian: Halatuju Masa Depan* (2022), https://ecpat.org/wp-content/uploads/2022/09/DH_Malaysia_advocacy_note_ONLINE_FINAL_BAHASA.pdf

²⁸ Bernama, "Lebih 16,000 Laporan Berkaitan Bahan Penderaan Seksual Kanak-Kanak Tahun Lepas," *Astro Awani*, 16 Februari 2025, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lebih-16000-laporan-berkaitan-bahan-penderaan-seksual-kanakkanak-tahun-lepas-508771>

3. Penggunaan Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*) Untuk Penciptaan Imej Palsu

Kecerdasan buatan atau lebih dikenali sebagai teknologi AI (*Artificial Intelligence*) sedang digunakan secara berleluasa di seluruh dunia. AI telah berkembang dalam pelbagai bidang dan industri di dalam dunia ini seperti pendidikan, kesihatan, pertanian dan sebagainya.²⁹ Penggunaan AI juga telah membawa kepada banyak kebaikan seperti AI dapat membantu manusia dalam menganalisis laporan Imbasan Tomografi Berkomputer (*CT scan*), menjawab pertanyaan manusia, atau memudahkan komunikasi dan kehidupan seharian manusia.

Walaupun bagaimanapun, segelintir manusia telah menyalahgunakan kecerdasan buatan dan mengambil kesempatan ke atas perkembangan teknologi tersebut. Antara penyalahgunaan yang berlaku adalah menggunakan teknologi AI untuk mencipta imej palsu dengan tujuan manipulasi dan penipuan. Perkara ini sering berlaku dalam konteks pelacuran moden dalam talian. Tujuan isu ini dibahaskan adalah untuk mengenal pasti realiti semasa berkenaan penggunaan AI dalam perkara berunsur seksual yang semakin menular dalam kalangan masyarakat. Diskusi ini akan menyentuh tentang fenomena “*deepfake*”, iklan-iklan rawak yang tersebar dengan bantuan AI, pekerja seks yang terhasil daripada teknologi AI dan keburukannya.

Fenomena “*deepfake*” berlaku apabila imej seseorang boleh disunting ke dalam gambar atau video tertentu. Imej individu yang tiada kaitan dengan aktiviti tidak bermoral tersebut mungkin akan disunting bagi menghasilkan kandungan lucah yang palsu. Pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab itu semestinya akan memperoleh keuntungan hasil daripada imej palsu tersebut tanpa perlu mendedahkan identiti sebenar mereka.

Kecerdasan buatan juga boleh digunakan untuk mengiklankan perkhidmatan pelacuran moden dalam talian dengan lebih berkesan. Iklan-iklan tersebut akan disasarkan kepada pengguna-pengguna media sosial yang berkaitan. Situasi ini bertujuan untuk mencari pelanggan yang berpotensi untuk melanggan perkhidmatan pelacuran moden tersebut. Teknologi AI dapat membantu dalam menganalisis data-data pengguna media sosial lalu memaparkan iklan di akaun-akaun rawak. Iklan yang dipaparkan kebiasaannya mempunyai unsur menggoda, lucah dan menarik perhatian.

²⁹ Gelombang Berjasa, “Apa Itu Teknologi AI & Contoh Penggunaan AI di Malaysia,” 3 Oktober 2024, <https://gelombangberjasa.com/apa-itu-teknologi-ai-contoh-penggunaan-ai-di-malaysia/>

Terdapat pekerja seks yang dicipta daripada teknologi AI. Pekerja seks AI ini tidak tidur, makan atau mempunyai kehidupan yang normal seperti manusia tetapi mereka tetap memperoleh pendapatan yang tinggi.³⁰ Pekerja seks AI diuruskan oleh manusia di belakang tabir tanpa perlu menunjukkan imej atau wajah mereka.³¹ Jika kegiatan mereka terbongkar, manusia yang menguruskan pekerja seks AI itu tidak akan mengalami banyak kerugian peribadi.

CADANGAN UNTUK MENANGANI ATAU MENGAWAL KEGIATAN PELACURAN MODEN DALAM TALIAN

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa kegiatan pelacuran moden dalam talian menjadi suatu fenomena yang kritikal dalam kehidupan masyarakat. Pelbagai usaha telah dijalankan untuk mengatasi isu tersebut. Namun begitu, kegiatan tidak bermoral itu masih menunjukkan perkembangan besar dari semasa ke semasa. Oleh itu, beberapa cadangan akan dikemukakan oleh pengkaji bagi menangani atau mengawal kegiatan pelacuran moden dalam talian. Berikut merupakan cadangan-cadangan tersebut, iaitu pelaksanaan reformasi undang-undang berkaitan pelacuran moden dalam talian dan penubuhan agensi khas bagi tujuan pemantauan dan kawal selia aktiviti pelacuran moden dalam talian.

1. Pelaksanaan Reformasi Undang-undang Berkaitan Pelacuran Moden Dalam Talian

Reformasi merupakan perubahan atau pembaharuan yang dilakukan ke atas suatu sistem bagi mewujudkan keadaan yang lebih baik atau menambahbaik sesuatu yang sedia ada. Masyarakat di seluruh dunia termasuklah Malaysia sedang berhadapan dengan era digital yang membawa kepada pelbagai isu dan cabaran baharu. Antara cabaran terbesar tersebut adalah kegiatan pelacuran moden dalam talian yang semakin berleluasa di Malaysia. Situasi ini mewujudkan penyakit sosial dalam kalangan masyarakat kerana ia tersebar secara meluas melalui platform dalam talian. Undang-undang dan penguatkuasaan yang sedia ada belum mencukupi untuk menangani permasalahan ini. Oleh itu, reformasi undang-undang adalah salah satu cara yang relevan bagi mengawal kegiatan pelacuran moden dalam talian.

³⁰ Ashley Fike, "People Are Choosing AI Sex Workers Over the Real Thing," *Vice*, 3 April 2025, <https://www.vice.com/en/article/people-are-choosing-ai-sex-workers-over-the-real-thing/>

³¹ Ashley Fike, "People Are Choosing AI Sex Workers Over the Real Thing."

Menurut temu bual bersama Puan Lailawati binti Husain,³² reformasi undang-undang adalah salah satu cara yang relevan bagi mengawal kegiatan pelacuran moden dalam talian. Dalam konteks pelacuran moden dalam talian, reformasi bagi menanganinya merupakan usaha yang penting untuk meningkatkan keberkesanan undang-undang terhadap cabaran-cabaran di era digital ini. Penilaian akan dilakukan bagi memperbaiki sistem perundangan yang sedia ada bagi menyesuaikan dengan masyarakat dan isu-isu semasa. Antara reformasi yang boleh dilakukan adalah penggubalan undang-undang baru atau pindaan undang-undang yang sedia ada.

Reformasi tersebut boleh dimulakan dengan penggubalan undang-undang baharu yang lebih spesifik. Malaysia belum mempunyai akta khusus berkaitan dengan pelacuran atau eksploitasi seksual komersial yang dilakukan secara dalam talian. Terdapat negara yang telah mewujudkan undang-undang yang mengkhusus kepada eksploitasi seksual dalam talian iaitu negara Filipina. Undang-undang Filipina tersebut adalah *Anti-Online Sexual Abuse or Exploitation of Children (OSAEC) Act 2022* yang bertujuan untuk membanteras eksploitasi seksual dalam talian termasuklah pelacuran yang dilakukan secara dalam talian. Kewujudan perundangan baru di Malaysia seperti undang-undang di Filipina tersebut dapat mengukuhkan penguatkuasaan undang-undang dan memudahkan proses pendakwaan.

Reformasi lain yang boleh dilakukan juga adalah meningkatkan hukuman sedia ada terhadap pelaku dan individu-individu lain yang terlibat dalam kegiatan persundalan moden dalam talian. Dalam temu bual bersama Puan Lailawati binti Husain, beliau menyatakan bahawa melalui kes-kes Seksyen 372A Kanun Keseksaan yang dikendalikan olehnya di bawah Yayasan Bantuan Guaman, wanita-wanita yang menawarkan perkhidmatan seks akan mengaku bersalah kerana hukuman denda yang rendah, iaitu sebanyak dua ribu ringgit Malaysia. Hukuman rendah tersebut turut terpakai kepada kes berkaitan pelacuran dalam talian. Apabila hukuman bagi suatu kesalahan itu dipertingkatkan, perkara ini boleh menanamkan perasaan takut dalam diri masyarakat untuk melakukan kegiatan tidak bermoral, memberi keadilan kepada mangsa dan menghukum individu yang melakukan kesalahan dengan lebih tegas dan mencegah jenayah pelacuran daripada terus berleluasa.

³² Lailawati binti Husain, seorang peguam sivil dan bekas timbalan pendakwa raya. Temu bual pada 3 Jun 2025 di firma Messrs Lailawati Husain & Co., No. 21 A-2 Jalan Reko Sentral 1, Reko Sentral, 43000 Kajang, Selangor.

2. Penubuhan Agensi Khas Bagi Tujuan Pemantauan dan Kawal Selia Aktiviti Pelacuran Moden Dalam Talian

Aktiviti pelacuran moden dalam talian perlu ditangani secara menyeluruh merangkumi aspek perundangan, sosial, moral, ekonomi, pendidikan dan lain-lain. Puan Lailawati binti Husain turut menyatakan dalam temu bualnya bahawa selain daripada cadangan reformasi undang-undang, suatu agensi khas boleh ditubuhkan untuk tujuan pemantauan dan kawal selia kegiatan pelacuran moden dalam talian. Agensi khas merupakan suatu badan atau organisasi yang ditubuhkan khusus untuk menguruskan suatu isu yang memerlukan kepada tindakan lebih lanjut dan kawal selia.

Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) adalah suatu agensi yang menumpukan khusus kepada isu berkaitan dadah. Di Malaysia, masih belum terdapat agensi khusus yang menumpukan kepada kegiatan pelacuran moden dalam talian. Agensi khas ini sewajarnya ditubuhkan memandangkan isu pelacuran dalam talian menjadi semakin rumit dan untuk menangani pelacuran dalam talian secara menyeluruh dari aspek perlindungan mangsa, pemulihan, penguatkuasaan dan pencegahan. Pelacuran, termasuk pelacuran dalam talian diuruskan oleh beberapa agensi sedia ada seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Namun begitu, agensi-agensi tersebut tidak fokus sepenuhnya kepada kegiatan pelacuran sahaja.

Apabila agensi khas diwujudkan, penguatkuasaan akan diselaraskan dan penyeliaan akan menjadi lebih mudah dengan tindakan bersepadu dari suatu agensi khusus. Agensi khas juga mampu menyediakan perlindungan dan pemulihan kepada mangsa dengan mengadakan program, kaunseling atau pusat pemulihan yang eksklusif untuk mangsa-mangsa pelacuran moden dalam talian. Situasi tersebut menunjukkan bahawa penubuhan agensi khas amat diperlukan supaya pengurusan dan kawal selia kegiatan ini menjadi lebih efektif dan tersusun. Cadangan ini berpotensi meningkatkan keberkesanan pengawalan isu pelacuran moden dalam talian dari aspek jangka panjang.

3. Pelaksanaan Program Rehabilitasi Yang Khusus Untuk Pelaku Pelacuran Moden Dalam Talian

Terdapat pelaku pelacuran moden dalam talian yang terlibat dalam kegiatan tersebut atas faktor-faktor seperti kesempitan wang, ketidakstabilan emosi, menjadi mangsa eksploitasi seksual dan sebagainya. Pendekatan ini dapat membantu pelaku untuk menjalani kehidupan yang lebih baik pada masa akan datang selain daripada menerima hukuman semata-mata. Pendekatan ini juga dianggap lebih

berperikemanusiaan kerana pelaku memperoleh peluang kedua untuk mengubah kehidupan mereka dan tidak terperangkap dalam dunia yang melihat mereka sebagai seorang pesalah atau pendosa.

Rehabilitasi merupakan suatu proses pemulihan untuk membantu seseorang individu memulihkan fizikal, mental, psikologi dan moral selepas terlibat dalam sesuatu yang membawa kepada trauma, ketagihan atau permasalahan sosial. Ia bertujuan untuk mencegah individu tersebut daripada melakukan tindakan pada masa lalu yang sama dan membentuk semula jati diri dalam diri individu itu. Dalam konteks pelacuran moden dalam talian, individu yang terlibat dalam kegiatan tersebut boleh diberikan sesi kaunseling bagi membina semula keyakinan diri dan diberikan rawatan trauma bagi memulihkan mental dan psikologi mereka.

Di Malaysia, masih tiada program rehabilitasi yang khusus untuk pesalah yang melakukan pelacuran atau pekerja seks. Pihak kerajaan, NGO, institusi agama dan masyarakat boleh berganding bahu untuk merealisasikan program rehabilitasi tersebut agar individu-individu yang terlibat dalam pelacuran menjadi tumpuan utama dalam rehabilitasi yang lebih bersifat inklusif ini. Pendekatan ini membantu pelaku-pelaku dalam kehidupan sosial dan supaya mereka tidak kembali melakukan aktiviti tidak bermoral. Cadangan program rehabilitasi khusus ini mampu menyumbang ke arah yang lebih progresif dalam usaha menangani pesalah dalam kegiatan pelacuran moden dalam talian.

KESIMPULAN

Rumusannya, undang-undang adalah instrumen yang penting untuk mengawal tingkah laku manusia, menjamin keadilan dan memelihara hak asasi manusia. Tanpa undang-undang untuk mengawal aktiviti-aktiviti tidak bermoral, sesiapa sahaja boleh melakukan jenayah yang mampu menyebabkan kehidupan masyarakat menjadi kucar-kacir. Begitu juga dengan kegiatan pelacuran moden dalam talian. Ia merupakan kegiatan tidak bermoral yang sedang menular dalam kalangan masyarakat di seluruh dunia saat ini, termasuklah Malaysia. Undang-undang berkaitan kegiatan tersebut diperlukan bagi mengawal pihak-pihak yang terlibat dengannya. Namun begitu, penguatkuasaan undang-undang dalam isu ini didapati masih lemah dan perundangan berkaitan pelacuran moden dalam talian juga masih belum diteliti secara meluas. Oleh itu, isu pelacuran moden dalam talian memerlukan pendekatan bersepadu daripada kerajaan, agensi penguatkuasaan dan masyarakat bagi memastikan isu ini dapat dibendung secara efektif.

Selain itu, pelacuran moden dalam talian merupakan suatu fenomena yang semakin kompleks selaras dengan perkembangan

teknologi digital. Walaupun medium pelaksanaannya berubah daripada kaedah konvensional kepada platform dalam talian, hakikat pelacuran sebagai suatu perbuatan yang bertentangan dengan Syariah dan undang-undang tetap tidak berubah. Oleh itu, pendekatan yang diambil bagi membanteras fenomena ini hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh melalui pemerkasaan kerangka perundangan, penguatkuasaan yang lebih berkesan serta pendidikan masyarakat yang berteraskan prinsip-prinsip Syariah dan Maqāṣid al-Syarī'ah. Pendekatan sedemikian bukan sahaja dapat membendung kegiatan pelacuran moden dalam talian, malah mampu memelihara agama, maruah, keturunan dan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan artikel ini. Segala pandangan dan dapatan yang dikemukakan adalah hasil usaha penulis sepenuhnya. Penulis juga menghargai segala sokongan moral dan bantuan yang diberikan sepanjang proses penyelidikan ini. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan atau geran daripada mana-mana agensi. Penyelidikan ini dijalankan tanpa sokongan kewangan daripada mana-mana pihak awam, komersial atau bukan berasaskan keuntungan.

RUJUKAN

- ‘Awdah, ‘Abd al-Qādir. *Al-Tashrī‘ al-Jinā‘ī al-Islāmī*. Dār al-Khayr, 1990.
- Anderson, Linda S. “Ending the War Against Sex Work: Why It’s Time to Decriminalize Prostitution.” *University of Maryland Law Journal of Race, Religion, Gender & Class* 21, no. 1 (2021): 72-136, <https://digitalcommons.law.umaryland.edu/rrgc/vol21/iss1/5>
- Azmi, Ahmad Sanusi Azmi. “Kekeliruan Tentang Hak Pekerja Seks.” *Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA)*, 2021. <https://isma.org.my/kekeliruan-tentang-hak-pekerja-seks/>
- Awaludin, Arif. “The Uncertainty of Regulating Online Prostitution in Indonesia.” In *3rd International Conference on Globalization of Law and Local Wisdom (ICGLOW 2019)*, 332-34. Atlantis Press, 2019.
- Benavente, Beatriz, Diego A. Díaz-Faes, Lluís Ballester, and Noemí Pereda. “Commercial Sexual Exploitation of Children and

Adolescents in Europe: A Systematic Review.” *Trauma, Violence, & Abuse* 23, no. 5 (2022): 1529-1548.

Bernama. Lebih 16,000 Laporan Berkaitan Bahan Penderaan Seksual Kanak-Kanak Tahun Lepas. *Astro Awani*, 16 Februari 2025. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lebih-16000-laporan-berkaitan-bahan-penderaan-seksual-kanakkanak-tahun-lepas-508771>

Culture Reframed. “OnlyFans and the Reality of Online Prostitution.” 2023. <https://culturereframed.org/onlyfans-and-the-reality-of-online-prostitution/>

Dharma, Ferry Adhi, Retno Andriati Liestianingsih, Didik Hariyanto, and Niko Fedyanto. “Online Prostitution Among Millennials: A Consequence of Westernized Lifestyles?” In *Proceedings of the International Conference on Intellectuals’ Global Responsibility (ICIGR 2022)*. Springer Nature, 2023.

ECPAT International, INTERPOL, and UNICEF Office of Research. *Perlindungan Kanak-Kanak di Malaysia Daripada Eksploitasi dan Penderaan Seksual Dalam Talian: Halatuju Masa Depan*. 2022. https://ecpat.org/wp-content/uploads/2022/09/DH_Malaysia_advocacy_note_ONLINE_FINAL_BAHASA.pdf.

Fahmi Tajuddin & Fareez Azman. “Trend Pelacuran Moden “Dark Side” Jerat Remaja di Media Sosial.” *Buletin TV3*, 21 Disember 2024. <https://www.buletintv3.my/nasional/eksklusif-trend-pelacuran-moden-dark-side-jerat-remaja-di-media-sosial/>. Diakses 13 April 2025.

Fajarwati, Sri Restu, Tri Rahayuningsih, and Adri Murni. “Dinamika Psikologis Mucikari Remaja pada Prostitusi Online.” *Psychopolytan: Jurnal Psikologi* 1, no. 1 (2017): 17-22.

Fike, Ashley. “People Are Choosing AI Sex Workers Over the Real Thing.” *Vice*, 3 April 2025. <https://www.vice.com/en/article/people-are-choosing-ai-sex-workers-over-the-real-thing/>

Fuadi, Moh Ashif, Moh Mahbub, Irma Ayu Kartika Dewi, Martina Safitry, and Sucipto Sucipto. “The Historical Study of Prostitution Practices and Its Fiqh Analysis.” *Jurnal Daulat Hukum* 5, no. 2 (2022): 92.

- Gassó, Aina M., Katrin Mueller-Johnson, and Irene Montiel. "Sexting, Online Sexual Victimization, and Psychopathology Correlates by Sex: Depression, Anxiety, and Global Psychopathology." *International Journal of Environmental Research and Public Health* 17, no. 3 (2020): 1018. <https://doi.org/10.3390/ijerph17031018>
- Gelombang Berjasa. "Apa Itu Teknologi AI & Contoh Penggunaan AI di Malaysia." 3 Oktober 2024. <https://gelombangberjasa.com/apa-itu-teknologi-ai-contoh-penggunaan-ai-di-malaysia/>
- Hasan, Haryati, and N. Ilham Hussin. "Undang-undang Kegiatan Pelacuran di Malaysia, 1916–1973: Satu Perspektif Sejarah." *Kanun Jurnal Undang-undang Malaysia* 37, no. 1 (2025): 53-74.
- Lailawati binti Husain (Peguam Sivil dan Bekas Timbalan Pendakwa Raya). Temu bual dengan penulis di Messrs Lailawati Husain & Co., No. 21 A-2 Jalan Reko Sentral 1, Reko Sentral, 43000 Kajang, Selangor, 3 Jun 2025.
- Mohd Kamarul Hasifi Kamarudin. "“Hot Daddy”, Dua Teman Wanita Didakwa Tawar Khidmat Persundalan." *Kosmo Digital*, 26 Januari 2024. <https://www.kosmo.com.my/2024/01/26/hot-daddy-dua-teman-wanita-didakwa-tawar-khidmat-persundalan-15-minit-terkini-26-januari-2024/>. Diakses 10 Mei 2025.
- Rigotti, Carlotta. "When the Law Meets Feminisms: The Shortcomings of Contemporary Prostitution Policies across the European Union." *Women's Studies International Forum* 86 (2021): 102467.
- Rosli, Siti Elda Nadzirah, Wardatul Hayat Adnan, and Ahlam Abdul Aziz. "Online Content Risk Among Adolescents: Reviews on Malaysia Law and Policy." *Journal of Media and Information Warfare (JMIW)* 14, no. 2 (2021): 31-45.
- Setiawati, Sri, and Sri Hartati. "Challenges for Investigating Online Prostitution." *Jurnal Meta-Yuridis* 6, no. 1 (2023): 32-41.
- Sharifuddin, Norashikin, Hazlina Mohd Padil, Aliff Rahimi Abd Rahim, Muhammad Akmal Mazlan, Namirah Mohd Akahsah, and Sharifah Shatrah Syed Hamid. "Pemansuhan Jenayah Cubaan Bunuh Diri Di Bawah Seksyen 309 Kanun Keseksaan: Bersediakah Malaysia? Decriminalisation of Suicide Attempt Under Section 309 of the Penal Code: Is Malaysia Ready?" *INSLA*

E-Proceedings 3, no. 1 (2020): 86-94.
<https://insla.usim.edu.my/index.php/e proceeding/article/view/22>.

Suratnoaji, Catur, Tresna Maulana Fahrudin, Made Haninda Prami Swari, and Amalia Anjani Arifiyanti. "Communication Network Risks and Digital Footprints in Online Prostitution in Indonesia: Netnographic Study on Online Prostitution in Twitter Media." *Migration Letters* 21 (2024): 1080-1092.

The News Malaysia (@thenewsmalaysia). "Tular sebuah video di twitter orang awam bergambar dan beramah mesra dengan Daddy Ash yang terlibat dalam kes jenayah seksual." Instagram video, 10 Februari 2024.
<https://www.instagram.com/reel/C3J9vMmrPLK/?igsh=Y2dxcnh0cTJsOXRs>

Zaman, Khafit Badrus, Mohammad Iqbal Firman Ardiansyah, Muhammad Busthomi Arviansyah, Muhammad Ferdyan Syach, and Aji Prasetya Wibawa. "Social Media and Online Prostitution Industries." *Bulletin of Social Informatics Theory and Application* 6, no. 1 (2022): 7-12.